



MALAYSIA

Hari Rabu
21hb Februari, 1973

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KETIGA

Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan
1857]

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang (Perancangan) Bandaraya Kuala Lumpur [Ruangan 1861]
- Rang Undang-undang Pertahanan Awam (Pindaan) [Ruangan 1872]
- Rang Undang-undang Lalulintas Jalan dan Kereta-kereta Motor (Negeri-negeri Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah) (Pindaan) [Ruangan 1883]
- Rang Undang-undang Perlindungan Wanita dan Gadis [Ruangan 1930]

USUL:

- Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 1909]

MALAYSIA
DEWAN NEGARA YANG KETIGA

Penyata Resmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Rabu, 21hb Februari, 1973

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI ONG YOKE LIN, P.M.N. (Dilantik).
- „ Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ TUAN ABDULLAH BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, J.M.N., S.M.T. (Johor).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Dilantik).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., P.J.K. (Trengganu).
- „ PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ALI BIN HAJI ISMAIL, J.M.N., S.M.K., P.J.K., J.P. (Kedah).
- „ TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, P.M.K., J.P. (Kelantan).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, P.J.K., J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Dilantik).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI YAAKUB, J.P. (Melaka).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, J.M.N., D.J.M.K., P.M.K. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).

- Yang Berhormat TUAN IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Selangor).
- ” TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- ” TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHD. YASSIN (Dilantik).
- ” DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- ” Tuan G. LOUIS (Dilantik).
- ” DR MAHATHIR BIN MOHAMED (Kedah).
- ” TUAN S. T. MANI, P.J.K. (Dilantik).
- ” DATUK MANSUR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- ” AWANG DAUD MATUSIN (Dilantik).
- ” TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- ” DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).
- ” DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P. Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- ” TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- ” TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Perak).
- ” Datuk Temenggong Oyong Lawai Jau, P.N.B.S., M.B.E. (Sarawak).
- ” TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- ” TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Perlis).
- ” WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- ” TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- ” DATUK S. O. K. UBaidULLA, D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- ” TUAN WONG SENG CHOW, A.M.N. (Dilantik).
- ” TUAN YAHYA BIN HAJI AHMAD (Perak).
- ” TUAN YEAP KENG YAM (Perak).
- ” TUAN ZAINUDDIN BIN HAJI MOHD. SIDIN, P.J.K. (Dilantik).

YANG TIADA HADIR :

- Yang Berhormat DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- ” DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- ” TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- ” TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Dilantik).
- ” DATUK KHOO SIAK CHIEW, S.P.D.K. (Sabah).
- ” TUAN LEE LOY SENG (Dilantik).
- ” TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) Tan, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- ” DATUK HAJI O. K. K. SAID BESAR SIGOH BIN SINGKUNAN, P.G.D.K., A.D.K., B.E.M. (Sabah).
- ” DATUK E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Dilantik).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara)
- ” Menteri Kemajuan Tanah dan Mentari Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- ” Menteri Kebajikan Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N., (Jitra-Padang Terap).
- ” Menteri Pelajaran, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timur).
- ” Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- ” Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y. M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- ” Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD, P.M.N. (Pontian Selatan).

DOA

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

RAMBUT PANJANG—MENYIMPAN

1. Tuan Yeap Kheng Yam minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan meng-apa Kerajaan tiada halangan terhadap penuntut-penuntut dalam negeri ini ber-rambut panjang dan apakah kriteria bagi menentukan bahawa seorang asing itu bukan hippy dan boleh dibenarkan masuk ke negeri ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di Pertua, pada 23hb Januari tahun ini ketika menjawab satu soalan di Dewan Rakyat berkenaan dengan orang-orang yang berambut panjang dalam negeri ini, saya telah menyatakan bahawa tindakan tidak dapat diambil terhadap mereka itu kerana hak asasi mereka adalah dilindungi oleh Perkara 5(1) Perlembagaan, kecuali mereka itu melakukan kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang yang tertentu dalam mana

pihak yang berkuasa seperti Kastam dan Polis akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka.

Namun demikian Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan adalah bebas menggunakan budibicara masing-masing bagi membuat peraturan cara-cara menyimpan rambut bagi kakitangan-kakitangan atau penuntut-penuntut di bawah jagaannya. Berhubung dengan soal penuntut-penuntut pula, Kementerian Pelajaran telah pun mengedarkan Surat Pekelilingan kepada semua Ketua Pegawai Pelajaran menetapkan cara-cara penuntut-penuntut itu dikehendaki menyimpan rambut mereka.

Berkenaan dengan kriteria menentukan bahawa seorang asing itu hippy atau tidak, pegawai-pegawai Imigresen di pintu-pintu masuk ke Negeri ini adalah diberi kuasa untuk menggunakan budibicara mereka untuk menentukan samada seseorang pelawat yang hendak masuk ke negeri ini seorang hippy atau tidak berdasarkan panduan pemerihalhan (description) seperti berikut:

Bagi Laki-laki:

- (i) rambut panjang melebihi tengkuk, bermisai, dan/atau berjanggut tetapi rambut, misai dan janggut itu tidak dijaga dan kotor (unkept dirty long hair with untrimmed moustache and/or beard).

- (ii) berpakaian kotor dan hodoh dan badan berbau busuk (shabbily dressed and has awful body odour).
- (iii) memakai rantai manik (wearing beads)
- (iv) membawa haversack (carrying haversack)

Bagi Perempuan:

- (i) rambut kotor dan tidak berjaga
- (ii) berpakaian kotor dan tidak senonoh (dirty and improperly dressed)

dan pelawat-pelawat yang mempunyai "description" seperti ini tidak dibenarkan masuk.

MENGEMBARA BERJALAN KAKI

2. Tuan Yeap Kheng Yam minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapa Kerajaan tidak melarang penuntut-penuntut yang mengembara berjalan kaki menahan kereta-kereta di jalan-jalan besar oleh kerana perbuatan ini adalah merbahaya kepada lalulintas dan boleh membawa kepada berlakunya kejadian-kejadian jenayah seperti rogol dan lain-lain kejadian jenayah yang besar.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, tidak ada Undang-undang yang melarang orang-orang termasuk penuntut-penuntut, daripada mengembara berjalan kaki dan menahan kereta-kereta di jalan-jalan besar. Hingga ketika ini, tiada laporan yang diterima yang menunjukkan bahawa pengembara-pengembara berjalan kaki itu telah terlibat dalam kejadian jenayah atau kecemasan jalan raya seperti yang diramalkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Oleh itu, tidaklah difikirkan perlu bagi pihak Kerajaan melarang mereka berbuat demikian.

MAJALLAH/FILEM SEKS— MELARANG KEMASUKAN

3. Tuan Yeap Kheng Yam minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapa Kerajaan tidak melarang kemasukan majallah-majallah atau filem-filem seks ke dalam negeri ini untuk edaran dan tayangan kepada orang ramai istimewa muda-mudi dan adakah beliau sedar bahawa penerbitan-penerbitan dan filem-filem seperti itu adalah meracunkan fikiran muda-mudi kita.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, kenyataan Ahli Yang Berhormat yang mengatakan bahawa Kerajaan tidak melarang kemasukan majallah-majallah atau filem-filem seks ke dalam negeri ini adalah satu kenyataan yang melulu (sweeping statement). Kenyataan itu tidaklah benar. Semua majallah yang dianggap mengandungi unsur-unsur yang "prejudicial to public morality" adalah dilarang kemasukannya di bawah seksyen 4 Control of Imported Publications Ordinance, 1958.

Demikian juga tiap-tiap filem yang di impot adalah ditapis mengikut syarat-syarat di bawah "The Cinematograph Films Ordinance, 1952".

Berhubung dengan filem-filem yang berunsur seks satu Jawatankuasa Pilihan Khas bagi mengkaji filem-filem seks yang dilantik oleh Parlimen telahpun mengkaji perkara ini dan Jawatankuasa itu sekarang sedang menyusun laporannya untuk dikemukakan kepada Dewan Rakyat. Tindakan tertentu akan di ambil selepas laporan itu dikaji dan keputusan diperbuat ke atasnya kelak.

RANCANGAN DALAM BAHASA INGGERIS—MENGURANGKAN

4. Tuan Wong Seng Chow minta Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan menyatakan samada perlu bagi TV Malaysia menayangkan banyak sangat rancangan dalam bahasa Inggeris, dan samada beliau akan menimbang untuk mengurangkan waktu bagi rancangan dalam bahasa Inggeris dan menguntukkan pula masa ini kepada rancangan-rancangan dalam bahasa-bahasa Cina dan Melayu.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di Pertua, saya menjawab bagi pihak Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan.

Dasar Kementerian ini ialah mengeluarkan rancangan-rancangan tempatan hingga meningkat 60% di kedua-dua rangkaian TV. Sekarang terdapat lebih-kurang 47% sahaja. Untuk sementara waktu, rancangan-rancangan berbahasa Inggeris di gunakan sebagai mengisi masa sahaja (stop gap) dan bagaimanapun kebanyakan daripada rancangan-rancangan ini telah mempunyai sarikata (subtitles) dalam Bahasa Malaysia.

SETESYEN KERETAPI SEREMBAN

5. Tuan Wong Seng Chow minta Menteri Perhubungan menyatakan samada Kerajaan bercadang mendirikan sebuah setesyen keretapi di Seremban, dan jika ya, bila.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di Pertua, tidak ada rancangan hendak membina sebuah setesyen keretapi di Seremban, kerana di Seremban sudah ada mempunyai setesyen Keretapi yang besar, barangkali tidak begitu elok. Oleh kerana itu, Perkhidmatan Keretapi telah diarahkan supaya memperbaiki (renovate) dari masa ke semasa.

DERMA MEMBELI PERKAKAS ALAT SEKOLAH

6. Tuan Wong Seng Chow minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa ada sebilangan sekolah-sekolah di Negeri Sembilan merayu kepada orang ramai untuk derma bagi membeli perkakas-perkakas dan alat-alat lain untuk kegunaan sekolah dan samada Kerajaan memaafkan amalan ini.

Menteri Pelajaran (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Tuan Yang di Pertua, ia, saya sedar perkara ini. Tetapi sekolah-sekolah tersebut adalah diberi kebenaran memungut derma daripada orang ramai untuk membeli alat-alat perkakas seperti Duplicating Machine, alat pemotong rumput, alat pembesar suara, radio dan alat-alat mengajar yang lain. Pungutan-pungutan itu dibuat kerana sekolah-sekolah tersebut hendak membeli alat-alat yang memerlukan wang yang lebih daripada peruntukan yang diluluskan dan oleh itu mereka berkehendakkan sumbangan wang daripada orang ramai.

Sekolah-sekolah itu tidak meminta derma untuk membeli perabot-perabot seperti kerusi atau meja. Perabot-perabot seperti ini adalah disediakan oleh Kementerian saya.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG (PERANCANGAN) BANDARAYA KUALA LUMPUR

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas Masaalah, "Bahawa Rang

Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (20hb Februari, 1973).

Perbahasan disambung semula.

Datuk S. O. K. Ubaidulla: Tuan Yang di Pertua, Bandaraya Kuala Lumpur telah mengalami banyak perubahan yang sungguh cemerlang, jika kita bandingkan dengan masa 10 tahun yang lampau. Ia mempunyai banyak kebaikan untuk dipuji, tetapi bukan kebaikan yang selalu menjadi butir percakapan orang, hanya yang selalu kedengaran ialah tentang kelemahan untuk memperbaiki lagi keadaan.

Yang Berhormat Menteri dan Datuk Bandar Kuala Lumpur yang baharu bukanlah orangnya yang bertanggungjawab tentang keritik-keritik yang dilimparkan ke atas mereka. Mereka hanya mewarisinya dari orang lain.

Pada pendapat saya, Bandaraya Kuala Lumpur mempunyai tanggungan yang besar buat masa hadapan. Sepatutnya ia membuktikan kepada pekan-pekan Malaysia yang lain sebagai contoh Bandaraya. Sepatutnya juga ia memberi perangsang kepada pekan-pekan Malaysia yang lain supaya mencontohi akan segala kebaikan dan keinginan maju ke hadapan.

Bandaraya Kuala Lumpur juga sepatutnya mempunyai keinginan untuk berlumba-lumba melawan dengan Bandaraya dunia untuk memasyhorkan Malaysia lagi. Jikalau Kuala Lumpur mempunyai lambang sebagai sebuah Bandaraya yang bersih serta teratur keindahan taman bunga serta dengan bangunan yang tersergam indahnyanya dan juga mempunyai jalanraya yang luas, yang mana boleh mengharumkan serta menjual nama Malaysia di serata dunia.

Tuan Yang di Pertua, pada masa lampau bilangan penduduk di Bandaraya telah bertambah ramai, kenderaan semakin hari semakin banyak, tetapi bilangan kakitangan pejabat Bandaraya serta supervisory staffnya tidak begitu seimbang dengan keadaan Bandaraya yang ramai penduduknya. Ini adalah kegelisahan orang ramai setiap hari. Tetapi sebaliknya pula Dewan Bandaraya menaikkan lagi penilaian tuntutan. Menaikkan lagi penilaian tuntutan tidak bermakna menambah, memberi kemudahan kepada orang ramai. Dengan tidak menambah, memberi kemudahan dan kesenangan untuk penduduk-penduduk Bandaraya tuntutan penilaian tidak sepatutnya dinaikkan.

Dewan Bandaraya memerlukan banyak perhatian. Ucapan bersemangat sepatutnya diberi kepada pekerja-pekerja dan kakitangan. Supervisory staff perlu membuat pemeriksaan mengejut. Sikap angkuh dan kekurangan pemerhatian adalah dua punca kelemahan yang dapat saya sebutkan di sini demi untuk membaiki lagi taraf Bandaraya Kuala Lumpur. Sebaliknya, Tuan Yang di Pertua, penduduk-penduduk Kuala Lumpur patut juga memainkan peranan mereka, jikalau mereka mahu bekerjasama dengan mematuhi peraturan serta undang-undang diberi, maka ini akan menyenangkan Dewan Bandaraya menjalankan tugas mereka dengan licin. Terima kasih.

Datuk Dr Cheah Toon Lok: Tuan Yang di Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang (Perancangan) Bandaraya Kuala Lumpur, 1973, dan saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri yang berkenaan dan juga pegawai-pegawai Kementerian yang mengadakan satu undang-undang yang luas, lebar panjang dan sesuai dengan keadaan Malaysia di zaman moden ini.

Bandaraya Kuala Lumpur dijadikan pusat Malaysia iaitu kita mahu mengingatkan satu konsep baharu diadakan dan diterima di dalam zaman baharu ini, iaitu konsep mengadakan bandaraya. Saya baharu balik dari Bandaraya London dan saya tahu konsep mengadakan Bandaraya baharu ada bertukar dan berlainan dengan konsep yang lama, kerana Bandaraya yang lama itu menjadi konsep Bandaraya yang mati waktu malam (a dead city at night). Semua orang pekerja balik ke kampong atau ke tempat-tempat yang jauh-jauh. Bandaraya waktu malam tidak ada siapa yang ada dalam bandaraya, hanya ada tiga empat sahaja yang kita boleh memberi keserunukan, macam "Piccadilly, Listeners" Square.

Saya berharap dengan konsep baharu ini patut dibuat macam ini, Bandaraya mesti menerima konsep baharu untuk penduduk-penduduk di dalam Bandaraya itu, adakan residential area, adakan horticultural area dan ada tempat-tempat berserunuk, adakan muzium-muzium dan flat-flat bagi penduduk yang tinggal di situ. Kita luas dan besarkan Bandaraya itu, itulah konsep moden Bandaraya.

Saya berharap dengan adanya Undang-undang ini Kerajaan atau Menteri yang berkenaan boleh menjalankan konsep itu iaitu mengelokkan serta mengindahkan Bandaraya kita ini. Saya hendak meminta sedikit keterangan bolehkah arahan daripada Menteri ke peringkat bawah kalau kita hendak implement atau implimentasikan konsep rancangan ini, bolehkah dijalankan. Kita selalu lihat ada tersangkut tidak boleh turun ke bawah. Hari-hari kita hendak buat perlaksanaannya, tetapi tersangkut diperingkat atas tidak sampai ke peringkat bawah. Jikalau begitu, bolehkah kita jalankan satu rancangan yang macam ini, berapa tahunkah kita hendak laksanakan rancangan itu.

Saya tahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita memberi temu-ramah dengan Talivisyen dan Radio katanya, kita hendak bagi paspot dengan senang, kita hendak potong redtape. Kita hendak ambil kad pengenalan supaya dapat dengan cepat. Tetapi perkara itu tidak dapat dijalankan, sebab saya sendiri pun terkena apabila saya hendak menukarkan paspot lama saya, mereka ambil I/C, ambil Sijil Kewarganegaraan dan tunjukkan kepadanya baharulah dapat. Perkaranya yang macam itu adalah memalukan, menjatuhkan maruah Menteri-menteri kita. Menteri hendaklah memberi arahan itu kepada pegawai-pegawai dibawahnya. Saya haraplah Yang Berhormat Menteri menjaga maruahnyanya. Jikalau orang tidak menjalankan arahan Menteri, pegawai itu mestilah ditukarkan, kalau tidak maruah negara dan Kerajaan kita jatuh.

Kita haraplah dengan adanya konsep baharu ini hendak membuat satu Bandaraya yang indah, jika kita ada bangunan adanya baharu adakanlah tempat-tempat yang kita boleh memberhentikan kereta supaya jangan mengganggu jalan yang sesak itu. Saya berharap juga tidak ada tempat yang kotor dan orang-orang yang miskin diberi flat. Dan lagi residential area adalah elok kepada rakyat sebab di situ ada pokok-pokok bunga. Saya berharap juga Menteri janganlah mengambil hasil yang terlalu tinggi di kawasan residential area. Kalau di kawasan commercial area tidak apa dikenakan cukai yang lebih tinggi, tetapi residential area hendaklah dimurahkan, sebab orang-orang yang bekerja itu boleh duduk di tempat itu.

Saya berharap perancangan ini boleh berjalan dengan luasnya dan sesuai dalam keadaan negara kita.

Saya ucapkan terima kasih kepada Kementerian yang sanggup mengadakan satu Rang Undang-undang yang luas, lebar dan panjang untuk mengadakan satu Bandaraya yang indah.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Ong Kee Hui): Tuan Yang di Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Rang Undang-undang ini dan di atas pandangan mereka terhadap Rang Undang-undang ini dan juga teguran-teguran yang constructive di atas perancangan Bandaraya amnya.

Teguran-teguran mereka di atas perancangan Bandaraya telah diambil ingatan dan tindakan-tindakan yang sewajarnya akan diambil untuk mengatasi kekurangan-kekurangan yang telah disebutkan. Saya tidak mahu membuang masa Dewan ini dengan menjawab tiap-tiap Ahli Yang Berhormat, tetapi saya dengan ringkasnya menjawab kepada teguran-teguran mereka yang telah dibangkitkan.

Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang kebersihan dan sampah-sarap yang kelihatan di beberapa tempat dalam bandaraya. Tiap-tiap bandaraya mempunyai kawasan-kawasan yang buruk dan walaubagaimana susahnya perancangan bandaraya cuba hendak mengelokkannya, adalah sukar hendak membersihkan setengah-setengah tempat itu setiap masa tiap-tiap hari. Selepas jalanraya-jalanraya telah dibersihkan tiap-tiap pagi, mereka yang tidak civic minded, terutama sekali di kawasan-kawasan di mana peniaga-peniaga kecil dan penjaja-penjaja berkumpul, tempat-tempat sekelilingnya, jalan-jalanraya dan longkang-longkang menjadi penuh dengan sampah-sarap. Tong-tong sampah yang telah diadakan untuk sampah-sarap tidak digunakan oleh kedua-kedua penjaja-penjaja dan pembeli-pembeli dengan itu apabila selesai perniagaan buat hari itu, tempat itu kelihatan kotor sekali. Seseorang itu boleh bertindak-tegas dan mengenakan denda yang tinggi kepada orang ramai yang melakukan ini seperti di negara-negara yang lain. Tetapi di negara kita yang liberal ini, kehendak Perancangan Bandaraya untuk melancarkan undang-undang yang lebih tegas selalu dapat tentangan oleh wakil-wakil yang telah dipilih oleh orang ramai seperti ahli-ahli

Majlis Kerajaan Negeri dan Ahli-ahli Parlimen yang bertindak bagi pihak orang ramai seperti peniaga-peniaga kecil yang mana tindakan telah diambil di atas mereka. Pegawai-pegawai bandaraya terpaksa memujuk dengan lembut dan menggunakan pengetahuan mereka melalui campaign kebersihan. Ini mengambil masa yang panjang dan keputusannya dapat dilihat selepas usaha-usaha yang tegas diambil. Usaha-usaha yang telah dijalankan oleh pegawai-pegawai bandaraya sepatutnya dihargai kerana mereka mempunyai kerja-kerja yang lain yang seharusnya dilakukan seperti yang dikatakan oleh Senator Datuk S. O. K. Ubaidulla tadi, pegawai-pegawai bandaraya sangat sibuk oleh pekerjaan lain dan bilangan nya pun tidak mencukupi dan begitulah sukarnya hendak menjalankan tugas-tugas mereka dengan memuaskan. Saya sanjung tinggi di atas pendapat Ahli-ahli Yang Berhormat supaya kita memberi good image mengenai bandaraya kita kepada mereka yang datang melawat negara kita ini. Walau bagaimanapun saya bersetuju dengan Senator Athi Nahappan bahawa pada keseluruhannya, kecuali di setengah-setengah tempat-tempat yang buruk seperti yang telah dibangkitkan oleh ramai Ahli-ahli Yang Berhormat, Kuala Lumpur adalah bandaraya yang bersih dan indah dan telah disanjung tinggi oleh mereka yang telah datang ke mari. Sebagai seorang yang telah melihat dan melawat banyak bandaraya-bandaraya di negara-negara Asia ini, saya mengatakan bahawa kita seharusnya berbangga dengan Bandaraya kita. Saya memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kami akan berusaha untuk menjadikan Kuala Lumpur sebuah Bandaraya yang tidak ada bandingannya.

Ramai juga Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai masalah lalu-lintas dan kesesakan jalanraya di Kuala Lumpur. Masalah-masalah ini, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, telah menjadi kajian oleh pakar-pakar dari luar negeri. Langkah-langkah telah diambil untuk mengurangkan kesesakan ini dengan jalan meluaskan lagi setengah-setengah jalanraya, dengan membuat bulatan-bulatan dan fly-overs, dengan menjadikan jalan sehalu di kawasan-kawasan perdagangan. Walau bagaimanapun seperti yang telah dibangkitkan oleh Senator Dr Mahathir, masalah-masalah yang kita hadapi hari ini adalah disebabkan oleh Kuala Lumpur sebenarnya

telah membangun daripada kawasan perdagangan dengan tidak dirancang pada mula-mulanya. Pendapat Senator Dr Mahathir bahawa pembinaan jalan bawah tanah adalah sesuai daripada pembinaan jambatan adalah masalah yang telah lama dikaji. Walaubagaimanapun dikebanyakan bulatan-bulatan yang baru dibina, jalan-jalan bawah tanah adalah digunakan. Jalan-jalan yang hendak ke Utara dan Selatan dengan tidak melalui Kuala Lumpur adalah dalam pembinaan. Ini akan mengurangkan kesesakan lalulintas. Jawapan yang panjang lebar ini sebenarnya bergantung kepada sistem pengangkutan yang lebih baik dan banyaknya kenderaan yang digunakan oleh orang ramai yang bekerja di bandaraya. Dengan bertambahnya pengguna-pengguna kereta dalam masyarakat kita ini, adalah sukar untuk menyediakan tempat-tempat letak kereta dalam bandaraya untuk menampung kereta-kereta yang masuk ke bandaraya. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Nik Hassan, dalam pembinaan bangunan-bangunan yang baru, pengusaha-pengusaha hendak menguntukkan lebih kurang 75% dari jumlah yang dikehendaki untuk tempat letak kereta. Tapak-tapak yang baru untuk multi-storey car parks adalah dalam kajian. Dua multi-storey car parks yang baru telah diluluskan di Jalan Masjid kawasan Selangor Mansions bulan lalu. Tanah sangatlah mahal dan dengan pembangunan yang pesat ini, peruntukan untuk multi-storey car parks tidak juga akan menyelesaikan masalah ini.

Ini adalah pandangan yang mustahak yang telah membuat Dewan Bandaraya memindah station yang lama di Jalan Melaka ke Jalan Pekeliling yang mana telah dibangkitkan oleh kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat dan telah menimbulkan perasaan hangat di kalangan orang-ramai. Bas station di Jalan Melaka adalah terlalu sesak dan tidak sesuai untuk digunakan lagi dan dengan itu telah dialienated oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada Bank Bumiputra untuk membina pejabatnya. Pihak Dewan Bandaraya adalah terlalu sukar untuk mencari tempat yang sesuai dalam kawasan bandaraya dan tempat yang ada yang boleh didapati dengan harga yang berpatutan ialah di Jalan Pekeliling. Tapak yang sejauh dua batu dari tengah-tengah bandaraya telah disyorkan oleh Jawatankuasa lalulintas oleh kerana ini akan mengurangkan kesesakan lalulintas dalam Bandaraya. Dewan Bandaraya memang sedar bahawa station

yang baru ini tidak memberi kesenangan kepada orang ramai seperti station yang lama kepada penumpang-penumpang dan usaha-usaha telah diambil untuk mengurangkan dan merengankan kesusahan ini. Walaubagaimanapun Dewan Bandaraya telah digesa dan tapak di Jalan Melaka adalah dikehendaki dengan secepat mungkin supaya Bank Bumiputra dapat membuat rancangan pembinaanya dalam masa yang ditetapkan. Jawatankuasa Lalulintas Dewan Bandaraya telah mencadangkan supaya Sri Jaya menjalankan perkhidmatan basnya daripada station bas yang baru ke tengah-tengah bandaraya. Ini berkehendakan tambahan bas sebanyak 50 buah oleh syarikat Sri Jaya untuk menampung penumpang-penumpang yang hendak dibawa ke Bandaraya, dan bas-bas yang baru ini tidak boleh diadakan dalam masa yang ditentukan. Cadangan ini tidak dapat dijalankan oleh Land Transport authority kerana ini adalah berlawanan dengan article 153 Sections (7) & (8) Perlembagaan negara ini kerana dua buah syarikat bas yang lain berhak menjalankan perkhidmatan bas mereka daripada luar bandar ke dalam bandaraya dan hak mereka itu tidak boleh diambil. Dengan kesukaran ini, adalah dicadangkan buat sementara waktu bas-bas dibenarkan masuk ke bandaraya untuk menurun dan mengambil penumpang-penumpang di tempat-tempat perhentian bas yang sama tetapi melalui jalan yang lain supaya mengurangkan kesesakan lalulintas dan mengurangkan kesukaran kepada orang-ramai yang menggunakan bas. Peraturan ini akan dikaji semula (reviewed) dalam tiga bulan lagi. Adalah sememangnya dalam masa beberapa hari ini pemindahan station bas yang lama di Jalan Melaka ke station bas baharu di Jalan Pekeliling akan menjadi kalang-kabut dan menjadi kekecohan. Tetapi pada fikiran saya, kesulitan ini adalah berkurangan sekarang dan Dewan Bandaraya sedang menyediakan kemudahan-kemudahan yang dikehendaki oleh station bas yang baru di Jalan Pekeliling. Saya harap keterangan ini akan memuaskan hati Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Amaluddin Darus, Senator Haji Mohd. Saaid dan Senator Ibrahim Haji Yaacob yang telah membangkitkan perkara ini.

Perkara mengenai pollution telah juga dibangkitkan oleh Senator Dr Mahathir dan Senator Amaluddin Darus. Kekotoran Sungai

Kelang yang telah disebabkan oleh pembuangan sampah-sampah dan juga affluent daripada kilang-kilang adalah juga menjadi persoalan. Mengenai kekotoran udara oleh kilang-kilang dan kenderaan-kenderaan, sebuah Jawatankuasa di bawah Kementerian Kesihatan sedang mengkaji perkara ini. Mengenai perkara banjir yang telah disebabkan oleh sampah-sarap yang terhimpun di Sungai Kelang, langkah-langkah sedang diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini. Cadangan untuk divert sungai-sungai yang mengalir melalui Kuala Lumpur dengan menggunakan canal yang tidak akan melalui bandaraya sedang dalam kajian. Ini akan menelan belanja yang banyak, tetapi ini akan menyelesaikan masalah banjir di bandaraya yang akan menjadi masalah yang besar oleh kerana tumbuhan-tumbuhan yang tumbuh di atas-atas bukit telah dihapuskan oleh kerana pembinaan pembangunan.

Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai perumahan dan telah meminta supaya Dewan Bandaraya membina lebih banyak rumah-rumah murah. Dewan Bandaraya setakat ini telah membina 8,189 rumah-rumah pangsa dengan 178 rumah-rumah kedai di beberapa kawasan perumahan dan 490 rumah-rumah sementara. Sebanyak 768 unit sedang dibina di Jalan San Peng di peringkat I dan rancangan-rancangan untuk membina 768 unit lagi di peringkat II dalam kawasan yang sama. Peringkat I dijadualkan siap pada bulan September 1974 dan Peringkat II dalam tahun 1975. Kerja membina 795 Unit telah dimulakan di Bukit Bungsar dan dijadualkan siap dalam bulan Mac 1975. Tapak untuk 500 Unit lagi telah didapati di Sentul. Rancangan Dewan Bandaraya telah tergendala oleh kerana kekurangan tanah yang sesuai dengan harga yang berpatutan di dalam kawasan yang dikuasai olehnya. Walaubagaimanapun Kerajaan Negeri Selangor melalui P.K.N.S. sedang mengambil langkah-langkah yang tertentu ke arah tujuan ini dan U.D.A. juga sedang mengambil bahagian terutama sekali mengenai pembangunan perdagangan untuk peniaga-peniaga bumiputra, perkara yang telah dibangkitkan oleh kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan ini.

Yang Berhormat Senator Amaluddin Darus telah menyentuh mengenai hotel-hotel

yang lama kekurangan kemudahan. Dewan Bandaraya tidak lagi meluluskan hotel-hotel yang tidak ada tourist atau international standards. Kebanyakan hotel-hotel yang telah diterangkan oleh Senator Amaluddin Darus adalah hanya untuk orang-orang yang berpendapatan rendah yang juga diperlu ada di bandaraya dan jarang digunakan oleh pelancung-pelancung. Hotel-hotel seperti ini juga membantu masalah kekurangan tempat tinggal di bandaraya dengan sebab itu Dewan Bandaraya tidak mengambil tindakan apa-apa di atas hotel-hotel yang lama itu.

Dengan ini saya fikir, Tuan Yang di Pertua, telah menjawab kepada pertanyaan-pertanyaan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Perancangan Bandaraya. Berbalik kepada Rang Undang-undang ini, saya suka mengatakan sebagai menjawab kepada pertanyaan Yang Berhormat Senator Dr Mahathir bahawa kelulusan mengzonkan kawasan-kawasan adalah sukar dan mengambil masa yang lama, dengan sebab itulah akta perancangan yang baru ini dikemukakan supaya dapat mengatasi masalah ini. Ordinance No. 46 of 1970 telah menunjukkan pelaksanaannya adalah terlalu lama dan terlalu banyak red tape.

Yang Berhormat Senator Wong Seng Chow telah menanya mengenai peruntukan Section 47 (2) (d). Ini adalah cuma untuk membolehkan Pesuruhjaya mengawal the height and general appearance untuk kepentingan persamaan dengan bangunan-bangunan sekeliling dan juga supaya peruntukan yang mencukupi untuk tempat letak kereta, open space dan set back of building daripada jalan. Saya juga ingin mengesyorkan kepada Senator Wong Seng Chow bayaran saguehati akan diberikan kepada untuk tanah yang telah diambil atau tanah yang terlibat dengan apa-apa tindakan yang telah diambil di bawah Akta ini.

Yang Berhormat Senator Ibrahim bin Haji Yaacob telah menyentuh mengenai Kampung Batu salah satu kampung di bawah tadbiran Dewan Bandaraya sekarang. Kerajaan Negeri Selangor sedang merancang hendak mengambil balik pentadbiran kampung ini. Akta yang ada sekarang yang sedang dibahaskan tidak kena-mengenai dengan kampung ini.

Sebagai penutup saya suka menyampaikan penghargaan saya kepada Yang Berhormat Senator Athi Nahappan di atas perhatian berpengetahuan mengenai Rang Undang-undang ini. Saya suka menyatakan bahawa fikiran yang mendalam telah diberikan semasa menderaf Rang Undang-undang ini. Peruntukan ini telah memberi kuasa yang banyak kepada Datuk Bandar tetapi kuasa-kuasa ini adalah dijalankan dengan arahan daripada Menteri dan juga tertaklok kepada rayuan kepada Lembaga yang diketuai oleh Hakim yang dinasihatkan oleh panel pakar-pakar.

Yang Berhormat Senator Athi Nahappan telah menanyakan mengapa discretionary powers Datuk Bandar telah diberikan (dengan tidak dirujuk kepada Lembaga Penasihat). Kuasa-kuasa ini diberi supaya keputusan yang lebih cepat akan diambil mengenai perusahaan memandangkan pembangunan yang pesat dalam bandaraya dan juga menghapuskan kelambatan mendapat kelulusan seperti yang telah dirujuk oleh Senator Dr Mahathir. Kelulusan Akta ini akan juga menghilangkan ketakutan bahawa kebanyakan pekedai-pekedai, peniaga-peniaga dan juga mereka yang terlibat dalam cottage or home industries yang telah melanggar Section 14, Ordinance No. 46 dengan menjalankan perdagangan di kawasan-kawasan kediaman. Orang-orang yang terlibat telah diberi notis hingga Jun, 1973. Di bawah Section 15 (2) Rang Undang-undang yang telah menggantikan Section 14 Ordinance itu, Datuk Bandar ada kuasa untuk melanjutkan tempoh yang telah diberikan sehingga rezoning dijalankan. Ini akan menyenangkan hati mereka-mereka yang terlibat di kawasan-kawasan yang berkenaan.

Saya yakin dengan kelulusan Rang Undang-undang ini, pembangunan Kuala Lumpur akan berjalan dengan memuaskan. Tuan Yang di Pertua, saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini diluluskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 50 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERTAHANAN AWAM (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta bagi meminda Ordinan Pertahanan Awam, 1951 dibaca bagi kali yang kedua.

Sebagaimana, Tuan Yang di Pertua, sedia maklum menurut takrif perkataan Civil Defence di dalam Ordinan Pertahanan Awam 38/1951 itu Pasukan Pertahanan Awam hanya boleh bertindak atau menjalankan tugas-tugasnya dalam masa peperangan sahaja dan tidak di masa aman. Tetapi, apa yang sebenarnya berlaku ialah kakitangan-kakitangan Pasukan Pertahanan Awam di masa beberapa tahun yang akhir ini bukan sahaja telah menyumbangkan tenaganya pada peringkat kebangsaan bahkan juga pada peringkat negeri-negeri di dalam memberi bantuan-bantuan ataupun menyelamatkan nyawa orang-orang yang ditimpa kemalangan dalam masa aman seperti di masa berlakunya banjir, kebakaran dan sebagainya. Dengan hal yang demikian, kakitangan-kakitangan yang terlibat itu sentiasa menghadapi bahaya maut, kemalangan atau kecederaan. Sekiranya ini berlaku maka kakitangan-kakitangan itu tidak akan dapat menerima pencen ataupun elaun menurut kaedah-kaedah pertahanan awam Bencana Diri, 1970 (Civil Defence Personal Injury Rules, 1970) oleh kerana perkhidmatan itu dijalankan bukannya di masa peperangan. Untuk mengatasi masalah ini maka adalah difikirkan mustahak diadakan satu seksyen tambahan di dalam Ordinan Pertahanan Awam 38/1951 bagi membolehkan Ketua Pengarah Pertahanan Awam setelah mendapat persetujuan Menteri yang bertanggungjawab untuk menjalankan kerja-kerja memberi pertolongan dalam masa kecemasan banjir atau malapetaka dengan tidak payah menukar takrif Civil Defence itu. Di samping itu adalah juga difikirkan wajar dan kena pada tempatnya dipindahkan kuasa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda

Yang di Pertuan Agong yang terkandung di dalam Kaedah 28, Civil Defence Corporation Rule, 1970 iaitu kuasa bagi Baginda untuk mengistiharkan kerahan tenaga di dalam Ordinan 38/1971 itu.

Pindaan yang dicadangkan ini boleh dibuat dengan mengadakan 3 seksyen yang baharu selepas seksyen 6 Ordinan 38/1951 itu seperti yang dirangkakan dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan supaya diluluskan usul ini bagi bacaan kali yang kedua.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di Pertua, saya turut menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan.

Sebagaimana yang kita sama-sama maklum bahawa Pasukan Pertahanan Awam amatlah berfaedah kepada negara kita, apatah lagi di masa-masa yang kita tahu, masa banjir dan kebakaran. Tetapi walau macam manapun beberapa kekurangan yang didapati oleh Pasukan Pertahanan Awam, sekadar yang saya tahu, maka dengan itulah saya dengan sukacitanya membuat beberapa desakan atau permohonan agar diperbaiki lagi.

Tuan Yang di Pertua, berkenaan dengan latihan. Latihan bagi Pasukan Pertahanan Awam setahu saya diadakan cuma dua kali dalam sebulan sahaja. Latihan ini patutlah diadakan 4 kali dalam sebulan.

Yang kedua, Tuan Yang di Pertua, alat-alat latihan hendaklah diadakan dengan lengkapnya, supaya latihan-latihan dapat diadakan dengan sempurna secara praktik bukan seperti sekarang hanya secara teori sahaja. Latihan secara praktik lebih memberi kesan kepada ahli-ahlinya.

Juga, kita tahu Pasukan Pertahanan Awam patutlah dilengkapi dengan kereta-kereta.

Yang saya tahu di Negeri Perlis ada sebuah kereta yang diletakkan di satu tempat yang tidak dihaskan, kadang-kadang kena hujan. Saya khawatir kenderaan itu akan rosak dan setakat yang saya dapat tahu daripada ahli-ahli Pasukan Pertahanan Awam, biasanya apabila berlaku kecemasan, kereta tersebut itu akan digunakan, tetapi disebabkan

tempat kereta itu tidak ada, maka kereta itu tak dapat digunakan. Dengan sebab itu, saya mengesyorkan patutlah Kerajaan menyediakan satu tempat yang agak sesuai supaya boleh diletakkan kereta itu dan ditetapkan seorang untuk mengawasi kereta yang berkenaan.

Tuan Yang di Pertua, berkenaan dengan Pejabat Pertahanan Awam, saya biasa masuk di Pejabat Pertahanan Awam, saya tak tahulah keadaan pejabat di negeri lain, Pejabat Pertahanan Awam di Perlis itu menjadikan saya rasa terkejut, kerana dalam biliknya itu seolah-olah bukan sebuah pejabat di luar pejabat itu ditumpangkan bangku-bangku buruk yang lebih daripada Pejabat Majlis Bandaran, maka di situlah dijadikan Pejabat Pasukan Pertahanan Awam. Ini amatlah sedih juga tempat latihan pula terpaksa menumpang selepas orang balik dari pejabat, agaknya tempat meletak kereta waktu awal tadi yang telah digunakan oleh pegawai-pegawai pejabat, bila pegawai-pegawai pejabat sudah balik, baharulah boleh diadakan latihan di tempat itu. Dengan sebab itu, patutlah diadakan satu tempat yang khas, walaupun kecil, kepada Pasukan Pertahanan Awam khususnya di Perlis.

Yang ketiga, pakaian. Kita tahu tiap-tiap satu Pasukan biar pun tentera wataniah dan sebagainya telah disediakan pakaian. Setahu saya daripada kawan-kawan yang masuk latihan Pertahanan Awam ini amatlah menyedihkan, pakaiannya tak lebih daripada satu pasang.

Baru-baru ini telah berlaku banjir, di Kuala Lumpur, Kelantan, agak saya musim ini musim banjir, termasuk Perlis juga kena banjir. Pasukan Pertahanan Awam sebagai salah satu badan yang bertugas di dalam membantu mangsa-mangsa banjir kadar yang mereka boleh, tetapi malangnya pakaian mereka yang mesti dipakai ialah pakaian Pasukan Pertahanan Awam yang pakaiannya itu adalah satu pasang saja, termasuk kasut satu pasang, topi sebuah, tali pinggang tak ada. Itulah yang dipakainya. Kalau seminggu banjir, seminggulah pakaian itu terpaksa digunakan, maka patutlah Kerajaan atau pihak Kementerian menimbangkan atas perkara ini.

Yang keempat, Tuan Yang di Pertua, kita tahu ajal-maut ditangan Tuhan, ikhtiar ditangan manusia, jadi latihan perkhidmatan

awam, saya yakin kalaulah satu-satu orang itu lemas atau kena api dan sebagainya kalau agak benda itu boleh, tidak membahayakan sangat bolehlah apa yang dipelajari dari perkhidmatan awam itu untuk menolong di masa kecemasan. Dengan sebab itu, Tuan Yang di Pertua, patutlah latihan perkhidmatan awam ini juga tidak payah diadakan dibandar-bandar sahaja, digalakkan sampai kepada penduduk-penduduk luar-bandar. Setakat yang saya tahu hari ini, Tuan Yang di Pertua, pasukan perkhidmatan awam di Perlis telah menjalankan latihan tersebut dan telah mendapat galakan. Jadi saya berharap kalau semua atau seluruh Malaysia menjalankan demikian itu bertambah baik lagi dan bila ada satu-satu kecemasan yang agak boleh ditolong tidak payahlah kita minta bantuan daripada luar atau mana-mana yang berkenaan yang agak perkara itu ringan bolehlah dibantu oleh perkhidmatan awam ataupun pemuda-pemuda luar bandar yang sudah terlatih dengan masa kecemasan.

Yang kelima, Tuan Yang di Pertua, tentang elau. Elau anggota perkhidmatan awam ini amatlah sedih. Setahu saya sejam 35 sen, 2 jam 70 sen, masa berlatihnya sebulan dua kali, sekali berlatih 2 jam, 2 jam 70 sen. Elau perjalanan yang diberi habis tinggi sekali \$3 iaitu bagi 16 batu. Jika seorang ahli perkhidmatan awam yang datang berlatih pada seminggu dia akan dapat \$3.70, paling kuat dia akan berlatih dalam sebulan 3 kali dia akan dapat \$11.10. Dengan sebab itulah, Tuan Yang di Pertua, bila satu-satu orang masuk perkhidmatan awam agak tidak sempat dia hendak tahu sedikit-sebanyak, dia terpaksa lari ke mana ada tempat yang dia fikir boleh mendapat wang yang lebih banyak sedikit. Setahu saya walaupun tentera wataniah tidak begitu lumayan kalau hendak dibandingkan dengan perkhidmatan awam, tetapi amatlah baik banyak daripada yang perkhidmatan awam. Jadi tidak sempat hendak pandai kebanyakannya lari ke tempat yang lain. Maklumlah manusia kita sama-sama tahu, dia hendak cari satu tempat yang agak lebih sedikit. Dengan sebab itu, saya mencadangkan supaya Jabatan atau Kementerian yang berkenaan yang bertanggungjawab di atas Pasukan Perkhidmatan Awam ini berilah timbangan yang agak sewajarnya sedikit, sekurang-kurangnya biarlah mereka itu dapat satu hari \$5.00 ke atas dan biarlah masa latihannya juga ditambah sampai 4

kali. Kita sama-sama tahu perkhidmatan awam ini tentulah tidak begitu teratur, tetapi sedikit-sebanyak latihan yang mereka dapat boleh menolong kepada orang-orang yang menerima kecemasan, baik kebakaran, apatah lagi di masa-masa banjir. Sebagaimana kita sama-sama tahu banjir baharu-baharu ini, saya bagi pihak rakyat Perlis sangat-sangat mengucapkan syukur kepada Tuhan dan terima kasih kepada perkhidmatan awam yang sungguh-sungguh berkecimpung membantu banjir sekadar yang mereka dapat.

Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Bill ini untuk diluluskan dan saya beri tahniah kepada yang membuat undang-undang ini, tetapi saya suka menambah iaitu di dalam huraian Bab 2 barisan 10, selepas perkataan "seperti banjir dan kebakaran" ditambah dengan perkataan-perkataan "di tempat-tempat kakitangan-kakitangan Kerajaan yang mogok dan yang bekerja mengikut masa". Kita tahu apa yang jadi di Port Klang baharu-baharu ini pekerja-pekerja di situ bekerja mengikut masa dan barang-barang datang dari kapal, dari luar negeri tidak dapat dipungkah di Port itu dan di hantar ke Pulau Pinang. Ini merugikan Kerajaan kita dan memalukan kita pada kapal-kapal luar negeri yang datang itu. Jika pasukan pertahanan awam ini dapat kita tambah tugas-tugas mereka adalah lebih baik lagi, mereka dapat lebih elau dan kepandaian. Kita patut ajar mereka memegang kerja-kerja yang berat, mereka diajar berkenaan dengan mesin-mesin, membuka dan memasang, berkenaan dengan letrik, memasang wire dan sebagainya, bertukang, dan dalam hal panjang mementaj Semuanya ini akan menyenangkan Kerajaan apabila kakitangan Kerajaan mogok, ahli-ahli pertahanan ini boleh menggantikan kerja-kerja kakitangan Kerajaan yang mogok itu dan segala kerja-kerja Kerajaan tidak akan tergendala. Inilah pandangan saya. Saya merayu kepada Kerajaan akan memperbesarkan lagi pertahanan awam ini dan diajar bermacam-macam kerja, bukan semata-mata kawat atau drill sahaja, berkenaan dengan cergas dan sebagainya. Kita mahu mereka digunakan atas serba-serbi, melainkan menghadapi musuh di dalam peperangan, kerana kita banyak askar-askar yang cukup untuk mempertahankan peperangan, dan saya berharap juga akan memanggil seberapa banyak bekas-bekas

perajurit dan bekas-bekas polis memasuki pertahanan awam ini dengan seberapa banyak untuk membantu Kerajaan jika ada berlaku mogok dan sebagainya.

Sekianlah pandangan saya pada Bil ini dan saya menyokong untuk diluluskan.

Tuan Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di Pertua, Rang Undang-undang yang di hadapan kita ini hanya sekadar meminda sedikit iaitu mengiktirafkan Perkhidmatan Pasukan Pertahanan Awam yang dahulunya hanya untuk dipanggil dalam masa kecemasan peperangan bukan bagi maksud pertempuran betul-betul, tetapi sekarang ini boleh dipanggil juga di dalam kecemasan-kecemasan atau diistiharkan darurat kerana banjir dan sebagainya.

Saya suka menarik perhatian masaalah ini sebab masaalah ini bukan satu masaalah yang kecil, kerana keadaan dunia di zaman kita ini satu keadaan yang kadang-kadang khususnya di kawasan Tenggara Asia ini walaupun kita sudah dengar akan ada perdamaian akan tetapi mungkin kita masih lagi berada di atas peti bahan-bahan letupan ataupun berada di tepi-tepi dia. Dengan kerana itu, kalau Kerajaan mahu membelanjakan bagi mengadakan pasukan perkhidmatan awam dengan membeli kereta-kereta bomba dan kadang-kadang tidak boleh dipakai kerana dia jarang digunakan, bila waktu mahu digunakan, start tidak hidup, maka patutlah diberi perhatian dan peruntukan yang berpadanan. Begitu jua elau seperti yang disebutkan oleh sahabat yang tadi, 35 sen satu jam dan ini tentu tidak memuaskan, maka ini semuanya harus dipertimbangkan kembali.

Satu kaedah pertahanan awam yang meliputi di mana boleh dipanggil di masa perang betul-betul atau boleh dipanggil berkhidmat di waktu seperti yang dipinda Rang Undang-undang ini patutlah disusun dengan cara yang sungguh-sungguh, saya percaya pasukan pertahanan awam ini akan benar-benar berguna kepada negara kita baik di masa perang ataupun di masa aman.

Negeri Cina, Tuan Yang di Pertua, misalnya, kota-kota besarnya telah membuat lobang-lobang di bawah tanah, mempunyai perlindungan-perindungan yang cukup bukan sahaja untuk menahan peluru-peluru kalau berlaku peperangan untuk menyelamatkan rakyatnya, tetapi persediaan-persediaan

yang cukup untuk hidup merupakan satu bandar di bawah tanah. Tentu di Kuala Lumpur atau di Malaysia kita ini tidak sampai begitu yang mesti kita buat kerana itu akan menelan belanja yang terlalu besar, akan tetapi saya katakan tadi Kerajaan harus memberi perhatian kepada pasukan pertahanan awam ini secara sungguh-sungguh, bukan hanya sekadar ambil ada. Sesuatu perbuatan yang dibuat sekadar ambil ada kerana patut ada, tetapi tidak secara bersungguh-sungguh, bila tiba waktu yang mahu digunakan kita merasakan kita tidak ada walaupun pernah kita adakan dan diadakan, tetapi kita akan dapati kita tidak ada, ertinya barang yang mahu kita gunakan tidak boleh digunakan, latihan orang-orang, persediaan alat-alat dan pengetahuan yang cukup, teori dan praktik kepada pasukan pertahanan dan juga orangramai perlu diatur begitu rupa sepanjang masa.

Dalam soal ini, Tuan Yang di Pertua, Pasukan Pertahanan Awam ini boleh dibentuk dalam bermacam-macam pasukan dan dalam masa peperangan sudah tentu kita lihat berbagai-bagai seperti mengawal serangan udara, dalam menjaga kecemasan luka dan lain-lain lagi. Dan ini semuanya boleh dibentuk dari sekarang dan memang ada asas dari sekarang ini kita mempunyai berbagai pasukan yang membantu di masa-masa kecemasan. Tetapi sesuatu yang patut difikirkan ialah latihan yang sungguh-sungguh termasuk sivic dan memasukkan semangat apa yang sekarang sudah kurang kita dengar.

Dahulu kita lihat tiap-tiap polis ada memakai lencana "Sedia Berkhidmat" di bajunya, tetapi sekarang kita tidak berapa nampak dan semangat "sedia berkhidmat" ini bukan sahaja untuk polis, tetapi untuk seluruh pasukan-pasukan untuk semua pegawai Kerajaan, tetapi kita bercakap sekarang ini tentang Pasukan Pertahanan Awam yang harus merupakan suatu kegiatan yang diwujudkan oleh Kerajaan dengan menanamkan semangat "Sedia Berkhidmat" yang sungguh-sungguh. Sebab kalau hendak diukur dengan elau, elau patut ditambahlah sedikit, kalau diukur dengan elaulah maka manusia itu bekerja, tidak akan ada perubahan-perubahan yang besar dalam sebarang pekerjaan. Manusia, dia boleh membuat suatu pekerjaan yang mengemparkan atau membuat suatu pekerjaan yang menakjubkan, ertinya ialah manusia yang sedia mengorbankan kepentingan dirinya bahkan

jiwanya sendiri untuk menyelamatkan atau menolong sesuatu yang lain dan ini boleh dibuat dengan kita menanam semangat "sedia berkhidmat" dengan bersungguh-sungguh kepada semua anggota Pasukan Pertahanan Awam ini.

Tuan Yang di Pertua, saya percaya Kerajaan akan memberi pertimbangan atas perkara ini walau pun saya tidak mahu memberi terlalu banyak contoh dan misalan, tetapi saya cukup yakin bahawa menanam semangat ini adalah sangat perlu dalam kontek mewujudkan muhibbah, dalam kontek mewujudkan persefahaman, dalam kontek mewujudkan rasa tanggungjawab terhadap negara mesti ada sebahagian rakyat melalui organisasi seperti ini yang menjadi contoh tauladan yang sungguh-sungguh yang kemudiannya dapat ditarik perhatian rakyat untuk mengikuti jajak bagaimana semangat muhibbah, semangat toleransi, semangat pengorbanan yang ditunjukkan oleh pasukan pasukan seperti ini akan membuahkan hasil yang sangat baik bagi kepentingan negara kita.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di Pertua, di dalam menyokong Rang Undang-undang ini, pada pendapat saya pasukan ini merupakan suatu pasukan sukarela lebih daripada pasukan-pasukan yang bergaji sekalipun demikian khidmat yang mereka berikan untuk pertahanan awam di negara kita ini di dalam masa perang atau di dalam masa aman adalah penting dan mustahak terutama sekali di dalam masa aman di mana negara kita ini selalu dilanda dengan berbagai-bagai malapetaka.

Begitu juga kalau berlaku darurat di negara kita ini di mana mereka patut juga memberi khidmat yang diperlukan oleh negara di dalam keadaan yang seperti itu. Tetapi sebagaimana yang disebut oleh sahabat-sahabat saya sebentar tadi mengatakan bahawa mereka berkhidmat lebih merupakan sukarela daripada pegawai-pegawai yang bergaji. Mereka mungkin agaknya mempunyai keluarga, mempunyai tanggungan di belakang, dan kalau sekiranya berlaku sesuatu di atas diri mereka, misalnya di dalam keadaan banjir mereka dihanyutkan oleh banjir, apa akan jadi kepada keluarga mereka dan anak-anak mereka. Kita pernah mendengar pada suatu masa dahulu adakah atau tidak orang yang terkorban itu sebahagian daripada anggota Pertahanan Awam

ini. Tetapi ternyata mereka telah terkorban kerana dengan niat di dalam hati, samada dia mencantumkan dirinya dalam Pasukan Pertahanan Awam atau tidak, tetapi dengan kesedaran dan keinsafan dengan keadaan yang cemas, begitu berani terjun menyelamatkan orang lain, orang lain terselamat tetapi dia meninggal dunia, dia dihanyutkan oleh air dan tinggallah isteri dan anak-anak yang telah putus tempat ia bergantung.

Akhirnya, orang-orang kampung itu berpakat-pakat tolong anak dia dan tolong isteri dia. Kalau sekiranya orang yang meninggal seperti ini seorang daripada anggota Pertahanan Awam, saya rasa Kerajaan atau Kementerian ini patut menimbangkan masa depan anak-anak mereka itu dan keluarga mereka oleh kerana mereka ini berkhidmat bukan untuk diri, tetapi berkhidmat untuk keselamatan negara dan berkhidmat dengan bentuk sukarela lebih daripada menerima upah. Kalau sekiranya pasukan-pasukan kita sekarang, polis, askar dan sebagainya mendapat ganjaran yang baik kalau berlaku sesuatu kemalangan atas diri mereka, anak-anak dan keluarga mereka itu terjamin, maka saya harap juga Kementerian ini patut mengambil perhatian kalau sekiranya anggota Pertahanan Awam ini berlaku juga atas diri mereka kemalangan, maka tanggungan mereka yang mereka tinggalkan patutlah juga diambil perhatian oleh Kementerian ini.

Di samping itu, Tuan Yang di Pertua, seperti yang disebut oleh sahabat-sahabat saya Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa pasukan Pertahanan Awam ini merupakan suatu organisasi yang di dalamnya berhimpun berbagai-bagai kaum, berbagai-bagai bangsa, maka saya rasa mereka yang telah menjadi anggota dalam organisasi itu patut bukan sahaja pada masa-masa yang dipanggil untuk berkhidmat, tetapi pada masa-masa yang tertentu dapat memberikan perkhidmatannya secara sukarela ke kampung-kampung, ke desa-desa supaya orang-orang kampung, orang-orang bandar, orang-orang desa dapat melihat betapa mereka yang beruniform ini sekalipun tidak anggota yang tetap tetapi, mereka adalah perkhidmatan awam dan berbentuk sukarela dapat memadukan silaturahmi di antara satu dengan yang lain.

Dan dengan contoh yang mereka perlihatkan kepada orang-orang kampung, kepada kampung-kampung di dalam dan di

luar bandar, saya rasa tentulah akan menarik perhatian orang juga kepada tujuan muhibbah dan silaturahmi di antara berbagai-bagai kaum di dalam negeri ini, terutama sekali di dalam kawasan Bandaraya Kuala Lumpur ini perkhidmatan mereka sangat diperlukan dan pertunjukkan ataupun contoh yang mereka patut tunjukkan kepada orang-orang kampung dan orang-orang bandar di sekitar bandaraya ini akan dapat diambil contoh yang sebaik-baiknya. Kalau lah sekiranya berlaku sesuatu kecemasan dan sesuatu melapetaka yang tidak diduga, maka Pasukan Pertahanan Awam ini telah menunjukkan contoh yang baik betapa eloknyanya hidup dalam suatu suasana yang muhibbah.

Tuan Yang di Pertua, saya cadangkan supaya masa depan mereka kalau berlaku sesuatu kemalangan patut diambil perhatian dan kegiatan mereka haruslah ditunjukkan secara meluas kepada rakyat supaya mendapat contoh yang baik.

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan mengesyorkan dan memberikan pandangan mereka atas Rang Undang-undang ini.

Yang Berhormat Senator Shaari Jusoh mencadangkan supaya latihan ditambahkan daripada dua kali sebulan sampai empat kali sebulan. Saya suka memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu latihan dihadkan oleh peruntukan yang diberi daripada Perbendaharaan. Tetapi walau bagaimanapun, langkah telah diambil untuk melebihi lagi latihan pada tiap-tiap bulan. Tindakan sedang juga diambil untuk menambah alat latihan di tempat-tempat kita yang ditunjukkan oleh Ahli Yang Berhormat. Tidak berapa lama lagi saya akan ke negeri Perlis dan akan mengambil tindakan tentang perkara itu. Berkenaan pakaian seragam sekarang peruntukan untuk lebih daripada sepasang telah disediakan.

Berkenaan dengan latihan luar bandar, inipun telah diselenggarakan sebagai tambahan aktiviti-aktiviti Pasukan Pertahanan Awam.

Elaun yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, ini dibayar mengikut kadar-kadar kaedah Pertahanan Awam. Perkara

elaun ini pun akan ditimbang dan dikaji semula.

Yang Berhormat Senator Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob meminta Pertahanan Awam mengajar lebih tegas, tugas-tugas lebih berat mengajar cara-cara memasang alat dan mengambil tempat orang-orang yang mogok. Pasukan Pertahanan Awam adalah terdiri daripada orang sukarela untuk berkhidmat masa peperangan dan masa kecemasan berlaku, Ahli-ahli tidak menggantikan orang-orang yang mogok, kerana bertentangan dengan tugas Pertahanan Awam.

Teguran-teguran dari Yang Berhormat Senator Amaluddin Darus supaya Pasukan Pertahanan Awam ini bersedia seperti dalam masa peperangan, ini satu perkara yang susah mengaturnya sebab jika kita menyediakan tempat-tempat seperti air raid shelter dalam masa sekarang, perkara itu barangkali sukar hendak mendapat kelulusan dari Perbendaharaan, sebab dalam masa sekarang Kerajaan mesti timbang priority kita dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua. Pada masa aman seperti begini, saya fikir, sukar kita mengambil peruntukan untuk menjalankan tugas seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Saya suka menearangkan Pasukan Pertahanan Awam ini satu pasukan sukarela seperti Red Cross, St. John Ambulance dan lain-lain dan elaun yang diberi kepada mereka yang bertugas ini seperti satu tanda penghargaan tugas mereka, ini tidak boleh diatur seperti gaji yang biasa diberi kepada orang yang bertugas sehari-hari.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadikan sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tiada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan dituluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LALULINTAS DAN KERETA-KERETA MOTOR (NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU, SARAWAK DAN SABAH) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Akta Lalulintas dan Kenderaan Bermotor (Negeri-Negeri Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah) (Pindaan), 1973 dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini adalah menganungi cadangan-cadangan Pindaan kepada Ordinan Lalu-lintas Jalan, 1958 bagi Negeri-negeri Tanah Melayu, Ordinan Lalulintas Jalan, 1960 bagi Negeri Sarawak dan Ordinan Kenderaan Jalan, 1963 bagi Negeri Sabah. Undang-undang ini hendaklah akan mula berkuatkuasa dari tarikh ianya diluluskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentulah selalu membaca surat-khabar tiap-tiap pagi kemalangan kerana lari kuat dan macam-macam dan saya percaya Yang Berhormat beberapa lama telah memberi pandangan dan cadangan-cadangan supaya cara-cara hukuman itu diberatkan dan cara-cara hendak menjalankan penyekatan kepada mereka yang lari kuat. Saya sendiri sudah menjadi Menteri Pengangkutan dahulu 10 tahun lebih memang telah memikirkan dengan halus dan sekarang sudah kembali sebagai Menteri Perhubungan supaya saya dapat berhubung kepada rakyat, kepada effective dapat dipinda undang-undang ini. Oleh kerana itu, pada hari ini, saya dengan sukacitanya membawakan cadangan-cadangan tersebut ke Dewan yang mulia ini dan saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat akan memberikan sokongan yang penuh terhadap Rang Undang-undang yang tersebut.

Cadangan memperketatkan lagi hukuman yang dikenakan ke atas pemandu-pemandu dan tuan-tuan punya kenderaan ini agak lewat juga dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini, kerana Kementerian saya dengan kerjasama daripada Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain adalah mengambil masa juga, untuk berikhtiar mencari jalan yang paling berkesan sekali bagi meminda undang-undang tersebut dengan tujuan untuk mengurangkan daripada berlakunya kemalangan di jalan-jalan raya.

Sebenarnya Jemaah Menteri telahpun membentuk sebuah Jawatankuasa Istimewa daripada Menteri-menteri yang berkenaan yang mana saya sendiri menjadi Pengerusinya telah pun diberi kuasa supaya meletakkan, mengadakan pengakuan-pengakuan pindaan dan juga cara-cara meimplikasikan pindaan undang-undang itu, kerana kiranya undang-undang dipinda sahaja dengan tidak ada satu pasukan highway flying squad di mana-mana tempat yang merbahaya dan tidak diadakan radar modern system yang mana juga dicadangkan di dalam pindaan ini yang engineer-engineer letrik yang mahir boleh beri certificates yang radar itu telah diperiksa tiap-tiap minggu atau dua minggu tengok pada keadaan di mana kilang itu mengakukan, kerana kita telah cuba dahulu dengan radar, tetapi apabila dicabar oleh setengah-setengah Peguam di Mahkamah buang kes. Dengan sebab itu, bukan sahaja kita hendak meminda undang-undang ini tetapi kita hendak mencari jalan, yang mana dapat mengelakkan daripada segala atau kalau kita tangkap, tangkap terus tidak boleh lepas lagi (*Ketawa*).

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa bilangan kenderaan dalam Negeri-negeri Tanah Melayu telah bertambah dari masa ke semasa, malangnya bilangan kematian telah juga bertambah berkadarkan atau berbidang dengannya.

Dalam tahun 1967, bilangan kenderaan ialah sebanyak 505,455—setengah juta lebih kurang, manakala bilangan kemalangan 25,136 dan daripada bilangan itu yang mati ialah 700. Lima tahun kemudian sehingga penghujung bulan Ogos, 1972 jumlah bilangan kenderaan di atas jalanraya ialah 787,773 manakala bilangan kenderaan yang terlibat dalam kemalangan bagi tempoh dari Januari sampai Ogos, 1972 ialah 25,728 dan daripada bilangan itu yang matinya 900. Ianya bertambah 200 dalam masa 8 bulan sahaja. Angka-angka ini menunjukkan betapa perlunya Kerajaan mengambil langkah-langkah untuk mencegah kemalangan dan kematian yang disebabkan oleh kenderaan, sekurang-kurangnya bilangan kemalangan dan kematian dapat dikurangkan.

Negara kita ini masyor dengan ringgitnya. Kita mestilah berikhtiar macam mana manusia memandu kereta dengan perasaan insaf, bercermat, berjaga supaya mengelakkan daripada kemalangan. Malang tidak berbau, tetapi malang jangan dicari, inilah

tujuan pindaan Rang Undang-undang ini. Oleh kerana itu dengan angka-angka ini Kerajaan berasa bimbang, kalau tidak ada suatu pindaan yang ketat dan segala alat-alat yang boleh dikuatkuasakan bagi menjalankan undang-undang ini, itu tidak dapat juga mengurangkan kemalangan ini.

Perbekalan di dalam Undang-undang Lalulintas yang berkuatkuasa sekarang ini didapati sudah tidak sesuai lagi, kerana kuasa-kuasanya atau kuasa-kuasa dan hukuman-hukuman yang diberi kepada Mahkamah dan penguatkuasa lain nampaknya tidak begitu luas dan tidak begitu sesuai lagi pada waktu jentera itu lari dengan laju yang masih lagi menggunakan cara-cara yang lama yang menguntungkan mereka itu.

Faktor utama yang menyebabkan kemalangan itu ialah kurang cermat dan bertimbang rasa di kalangan pemandu-pemandu, khususnya memandang kepada bilangan pengaduan atau keluhan dan sungutan-sungutan yang dibuat dalam Dewan yang mulia ini, mahupun di luar terhadap pemandu-pemandu lori, terutama sekali kenderaan berat, van, teksi dan jua bas.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini mengadakan dua cara tindakan. Cara tindakan yang pertama ditujukan kepada pemandu-pemandu amnya. Pindaan kepada Seksyen-seksyen 33, 34, 34A, 35 dan 36 adalah bertujuan memberi kuasa kepada Mahkamah-mahkamah yang berkenaan menjatuhkan hukuman denda atau penjara yang lebih berat lagi di atas kesalahan-kesalahan bersabit dengan memandu kenderaan. Misalnya denda di atas kesalahan di bawah Seksyen 33 yang sekarang ini dihadkan kepada \$500.00 akan dinaikkan kepada \$1,000 ataupun penjara tidak lebih daripada 6 bulan atau kedua-duanya sekali. Dan seterusnya kesalahan-kesalahan di bawah Seksyen-seksyen 34A, 35 dan 36 boleh dihukum lebih berat lagi daripada hukuman-hukuman yang ada sekarang.

Saya juga sedar bahawa memandu kenderaan dengan kelajuan yang melampau-lampau ialah salah satu daripada sebab-sebab berlakunya kemalangan. Kesalahan memandu lebih daripada had laju yang dibenarkan di bawah Seksyen 34, pada masa ini boleh dikenakan hukuman di bawah Seksyen 146 (1) iaitu denda tidak lebih daripada \$250 ataupun penjara selama 6

minggu bagi kali pertama dan denda \$500 atau 3 bulan penjara, atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan yang berikutnya.

Pindaan yang dicadangkan kepada Seksyen 34 membolehkan hukuman dijatuhkan di bawah Seksyen ini dengan \$500 (double) catitan dibuat di atas lesen pemandu (the endorsement of the licence) dan penggantungan lesen selama 1 bulan bagi kesalahan pertama dan 6 bulan bagi kesalahan yang berikutnya.

Pengalaman telah membuktikan bahawa kebanyakan dari pemandu-pemandu lebih merasa takut jika lesen mereka itu dicatit daripada mereka dikenakan hukuman denda yang berat.

Cara tindakan yang kedua ditujukan kepada tuan-tuan punya kenderaan perdagangan seperti lori, van, teksi dan bas, sekiranya ada keterangan-keterangan mereka itu memberi inducement—beri tip, sekali tip bagi satu trip \$25. Kita tahu inilah sebab-sebabnya yang banyak lari laju; banyak trip, banyak barang dan banyak untungnya dan pemandu-pemandu ini boleh dapat bahagiannya juga.

Pada masa sekarang hukuman-hukuman yang dikenakan ke atas kenderaan yang melakukan kesalahan di atas jalanraya hanya jatuh ke atas pemandu kenderaan itu sahaja. Cara kuatkuasa undang-undang ini jika ditinjau daripada orang ramai dari cogan kata matlamat "Masyarakat Adil" adalah tidak sesuai lagi, kerana pengalaman-pengalaman saya yang lalu didapati tuan-tuan punya kenderaan membayar gaji pemandu-pemandu mereka berdasarkan kepada trip-trip dengan tujuan untuk mendapat keuntungan yang berlebihan. Secara tidak langsung tuan-tuan punya kenderaan itu menggalakkan pemandu-pemandu mereka memandu dengan deras dan kemungkinan besar untuk mendapat ataupun menyebabkan kemalangan yang membawa maut yang dahsyat kadang-kadang terselit lapan sembilan orang mati tiap-tiap hari. Ini mesti diberhentikan cara yang semacam ini.

Pemandu-pemandu itu pula tidak akan merasa ragu-ragu lagi untuk memandu dengan deras kerana jika ditangkap dan didenda, maka denda-denda itu akan dibayar oleh tuan-tuan punya kenderaan itu. Untuk mengurangkan daripada berlakunya perbuatan-perbuatan yang tidak bertimbang rasa ini, maka saya berpendapat bahawa

Saya percaya masa sudah tiba oleh kerana bilangan kenderaan-kenderaan yang ada di dalam Malaysia ini meningkat dengan begitu cepatnya iaitu di dalam jangka masa 5 tahun hampir setengah kali lebih daripada yang ada, daripada 500,000 kepada 700,000.

Jadi masanya sudah tiba bagi kita merancangkan satu road system yang baru yang bukan sahaja mengambil setempat demi setempat, tetapi keseluruhan Malaysia Barat ini. Dan dalam usaha ini kita memikirkan berkenaan dengan pemikiran-pemikiran baru berkenaan dengan road system ini.

Sekarang ini satu daripada contohnya yang menunjukkan bahawa tidak ada pemikiran baru di dalam membina road system ini ialah adanya di Kuala Lumpur ini satu North-South Highway iaitu yang melalui di tengah-tengah Pusat Bandaraya ini. Kalau kita hendak pergi daripada selatan ke utara ataupun daripada utara ke selatan, kita mesti melalui di tengah-tengah Pusat Bandaraya ini yang sudah pun penuh sesak dengan kereta-kereta. Sepatutnya kalau kita ada rancangan-rancangan yang baik kita mengadakan by-pass atau jalanraya yang tidak melalui bandar. Apakah gunanya bagi orang yang berjalan dari Seremban hendak pergi ke Ipoh melalui Bandaraya Kuala Lumpur ini? Lori-lori yang begitu banyak berjalan dari Seremban ke Ipoh sepatutnya melalui di satu by-pass yang tidak melalui Bandaraya ini. Begitu juga berkenaan dengan lain-lain tempat, umpamanya pelabuhan yang terbesar di Malaysia Barat ini ialah Klang. Satu tempat perusahaan baru telah ditubuhkan di Seremban. Industrial area ini tidak akan menjadi maju melainkan mereka dapat pergi ke Klang dengan secara dekat dan cepat, tetapi kalau ada perbuatan barang-barang daripada Seremban ini yang hendak diekspot keluar negeri, barang ini mestilah melalui Kuala Lumpur sebelum sampai ke Klang. Begitu juga kalau ada barang daripada Port Klang yang hendak di bawa ke Seremban mestilah melalui Kuala Lumpur, begitu juga dengan Ipoh iaitu kita tidak mengadakan satu sistem by-pass yang mana kita mencegah lori-lori yang begitu berat melalui bandaraya ini. Perkara ini terjadi bukan sahaja di Kuala Lumpur, tetapi juga di lain-lain tempat, umpamanya di Pekan yang saya tinggal sekarang di Alor Star, ada satu jambatan yang dibina di atas satu ampangan di

dalam Rancangan Perairan Muda ini. Jambatan ini cukup luas dan patut digunakan sebagai satu by-pass. Sebenarnya, kalau jalan dibina, maka lori-lori yang membawa barang dari Pulau Pinang ke Kangar, Perlis dan lori-lori daripada Perlis ke Pulau Pinang boleh menggunakan jambatan ini dengan tidak melalui ke tengah Bandar Alor Star, tetapi malangnya sehingga sekarang sungguhpun jambatan itu siap sedia, tidak ada jalan daripada jalan besar ke jambatan ini. Ini bermakna kita tidak mengusahakan supaya kita mengurangkan lalulintas di dalam pekan Alor Star dan mengurangkan kejadian kemalangan di dalam pekan Alor Star. Kalau kita menggunakan sedikit peruntukan wang, saya percaya bahawa satu jalan yang baik boleh dibina untuk menghubungkan jambatan ini dengan jalan-jalan raya yang memang ada daripada Pulau Pinang ke Kangsar.

Maka perkara-perkara yang semacam inilah yang patut kita fikirkan. Mungkin sebab-sebab yang kita tidak mengadakan sistem jalanraya baru ini ialah oleh kerana kita kekurangan kewangan. Kita berkehendakkan kewangan yang banyak untuk membina jalan-jalan ini. Tidak berapa lama dahulu kita telah menggubal dan meluluskan satu undang-undang untuk mengutip toll di jalan-jalan raya. Daripada masa yang kita meluluskan undang-undang itu, cuma satu tempat sahaja yang menggunakan kutipan toll sebagai satu cara membiayai (maintenance) jalan-jalan itu iaitu di Slim River. Di lain-lain tempat kita tidak mengadakan sistem ini, sebaliknya kalau diadakan sistem ini mungkin kita dapat sekurang-kurangnya mengutip cukup cukup untuk menjalankan kerja-kerja memperbaiki jalan ini kalau pun tidak kerja-kerja membina jalan ini. Sistem toll ini adalah satu sistem yang digunakan di negara-negara yang maju yang mana ada kenderaan yang banyak seperti di Amerika Syarikat, di Eropah, di Jepun dan di lain-lain tempat. Kita melihat jalan-jalan raya yang begitu besar, elok dan dijagai dengan baik, ialah dibolehkan oleh kerana mereka mengadakan kutipan toll. Apa salahnya kalau Kerajaan merancang mengadakan lebih banyak jalan yang baik ini supaya kalau kita tidak mencukupi dengan kewangan yang ada, kita boleh mengutip toll untuk memperbaiki jalan-jalan itu. Kalau di adakan sistem toll yang semacam ini, saya percaya bahawa soal kekurangan wang

tidak akan menjadi begitu besar halangan terhadap mengadakan satu sistem jalan raya yang baru.

Juga jalan-jalan yang ada sekarang ini tidak terbahagi kepada dua, bukan dual-carriage way iaitu kalau kadang-kadang kita membawa motokar dan terpaksa mengikut sebuah lori yang tidak berjalan begitu deras, maka terpaksa motokar-motokar tersusun di belakang lori ini. Inilah sebabnya yang kadang-kadang ada orang-orang yang cuba memotong lori ini dan dalam usaha mereka itu, mereka telah mendapat kemalangan. Jadi kalau diadakan road system yang ada by-pass, yang ada dual-carriage way yang dikenakan bayaran, saya percaya bahawa kemalangan akan dapat dikurangkan.

Berkenaan membina jalan-jalan ini biasanya di negara kita Kerajaan mengambil usaha untuk membina jalan. Tetapi apa salahnya kalau kita tidak mencukupi wang, kita membenarkan firma swasta membina jalan ini dan membenarkan mereka mengutip toll selama beberapa tahun sehingga mereka boleh dapat balik modal yang ditanam oleh mereka.

Saya diberitahu bahawa kalau firma swasta ini dibenarkan mereka bukan sahaja boleh membina jalan raya yang baik, bahkan mereka boleh membina satu jambatan antara Pulau Pinang dengan Seberang Prai, kalau mereka dibenarkan mengutip toll di atas jambatan itu selama 15 tahun. Selepas 15 tahun maka pihak Kerajaan akan mengambil alih jambatan ini dan mereka tidak ada kena-mengena lagi dengan jambatan ini dan selepas itu dapatlah Kerajaan pula mendapat hasil daripada jambatan ini. Mungkin dengan adanya jambatan ini, feri yang ada sekarang ini akan mengalami kerugian, tetapi sebaliknya kalau ada jambatan ini, maka perniagaan antara Pulau Pinang dengan daratan akan menjadi lebih baik dan daripada perniagaan yang baik ini Kerajaan akan dapat memungut cukai dengan lebih banyak.

Selain daripada itu, Tuan Yang di Pertua, di dalam Malaysia ini di jalan-jalan raya tidak ada satu sistem yang standard berkenaan dengan mengadakan papan-papan kenyataan ataupun signboard. Di Kedah signboard ini di tulis dengan warna yang lain, di Perak dengan warna yang lain, di lain tempat dengan warna yang lain, ada yang

besar, ada yang kecil, ada yang diletak di tepi jalan, ada yang tersembunyi di belakang pokok dan sebagainya. Saya fikir sudah tiba masanya yang kita mengadakan satu standardisation berkenaan dengan perkara ini supaya semua signboards seluruh Malaysia ini, Timur dan Barat akan disamakan. Dengan adanya signboard semacam ini saya percaya perkara lalulintas tidak akan terganggu. Sekarang ini saya diberi oleh rakan saya daripada luar negeri, ianya hairan bagaimana saya dapat berjalan dengan motokar daripada satu tempat ke satu tempat, kerana ianya tidak melihat sebarang signboard. Kadang-kadang ada signboard itu yang dibuat oleh pihak Automobile Association, kadang-kadang kalau kita mengikutkan kepandaian kita dapatlah kita berjumpa dengan tempat itu. Kadang-kadang bagaimana dapat saya berjumpa dengan jalan itu sendiri, saya sendiri tidak tahu. Umpamanya exit daripada Kuala Lumpur ini, kalau kita ingin daripada Kuala Lumpur ke Kelang, ke Kajang atau ke Ipoh tidak ada satu tanda di tempat yang ada banyak lalulintas yang menunjukkan exit—jalan keluar daripada Kuala Lumpur ini. Kalau kita mengadakan satu sistem yang standard di seluruh Malaysia ini maka akan lebih mudah bagi perjalanan kereta-kereta yang menggunakan jalan raya itu, dan kalau mereka dapat berjalan dengan mudah, maka kemalangan juga akan dapat dikurangkan.

Tuan Yang di Pertua: Banyak lagi?

Dr Mahathir bin Mohamed: Sedikit sahaja lagi, Tuan Yang di Pertua.

Selain daripada signboard ini, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan tandabatu ataupun milestone. Milestone ini baharu-baharu ini dibentuk rupa lain sedikit di Kedah iaitu tiga segi dan milestone ini menunjukkan berapa jauh lagi ke tempat-tempat lain, tetapi kalau ingin tahu berapa jauh daripada tempat yang kita telah tinggalkan, maka mestilah kita paling ke belakang, yaani agak sukar sedikit kalau kita memandu kereta, tetapi sebenarnya milestone tiga segi ini adalah lebih baik daripada milestone yang dahulu, yang menunjukkan angka sahaja dengan tidak menyebut daripada mana. Tetapi apa yang terjadi sekarang ialah masih belum ada standardisation berkenaan dengan milestone ini, di Kedah berlain, di Perlis berlain, di

Penang berlain, di Perak berlain dan di lain-lain tempat juga berlain. Agaknya kalau seorang itu menjadi Jurutera Negeri dianya memikirkkan bahawa bentuk ini elok, maka ianya membentuk milestone itu rupa seperti yang disukai olehnya. Saya fikir adalah baik kalau kita membentuk milestone ini cara yang standard yang boleh digunakan seluruh Malaysia ini. Kalau ini dibuat serta juga dengan mengadakan standardisation berkenaan dengan signboard, maka lalulintas di Malaysia ini akan menjadi lebih baik dan kemalangan jalanraya tidak akan berlaku. Saya berharap bahawa kita dapat menjadi lebih civic minded daripada dahulu, tetapi perkara memberi pelajaran tentang civic minded ini adalah satu perkara yang memakan masa, tetapi kalau membina jalan mungkin akan memakan masa yang kurang sedikit.

Sekianlah sahaja, pada keseluruhannya saya menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di Pertua: Mesyuarat ditempohkan selama 15 minit.

Persidangan ditempuhkan pada pukul 4.45 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.00 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua *memengerusikan Mesyuarat*).

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Menteri Perhubungan yang saya percaya Rang Undang-undang ini akan membawa kebaikan lagi kepada rakyat kita di Malaysia hari ini.

Tuan Yang di Pertua, disebabkan kebanyakan kenderaan-kenderaan samada kecil ataupun besar bagaimana kata Dr Mahathir tadi maka pelanggaran dan sebagainya selalu berlaku, dan sehingga baharu-baharu ini kita sama tengok dalam akhbar *Utusan Zaman* pada 18hb Februari, 1973 kalau di masa yang lepas kita tengok kebanyakan rakyat biasa dan orang-orang awam ataupun pegawai-pegawai yang selalu terlibat dalam kemalangan, tetapi kali ini bukanlah Menteri yang berkenaan saya maksudkan kena kemalangan, tetapi dia juga terlibat dalam satu kemalangan yang membawakan Menteri yang berkenaan hendak

pergi ke satu tempat jam 9.10 pagi terpaksa terlewat pada pukul 10.00 pagi disebabkan kemalangan.

Tuan Yang di Pertua, dukacita saya lupa membawa akhbar yang berkenaan, saya tidak menduga Bil ini akan dikemukakan pada hari ini dan mengikut aturannya saya tidak faham hari ini didahulukan, esok dikemudiankan tidak macam dihantar kepada kita kelmarin. Tetapi walau bagaimana pun saya masih lagi dalam akhbar itu. Selain daripada Menteri yang berkenaan terlibat sama sehingga sebab Menteri kita baik budi hingga menguruskan orang yang menimpa kemalangan itu tetapi satu perkara yang patut kita mengambil perhatian dalam kemalangan-kemalangan khasnya kemalangan yang sama Menteri terlibat termasuk van dan sebagainya, dan dikatakan dalam akhbar bahawa pemandu lori itu tidak mendapat apa-apa kemalangan. Maka dengan sebab itu, kita tahu, segala kemalangan yang kerap kali berlaku orang-orang yang kerap mendapat kecederaan khasnya membawa maut ialah kenderaan-kenderaan yang berupa kecil motosikal, motokar dan kadang-kala orang yang berjalan kaki yang tidak ada sangkut dosa tetapi disebabkan kecuaiannya lori-lori ataupun kenderaan yang besar-besar tadi membawa orang yang tidak berdosa itu tumpang terlibat.

Tuan Yang di Pertua, selain daripada hukuman yang ditetapkan oleh Menteri tadi kita rasa bersama bangga untuk keamanan, saya berpendapat amatlah lojik dan adil kalau kenderaan yang besar-besar yang selalu membawa muatan yang banyak dan dengan muatan yang banyak, saya percaya, mendapat keuntungan yang banyak dan kecederaan pada mereka jarang berlaku walaupun melanggar sedang berlaku, maka sepatutnyalah hukumannya dikenakan mengikut jenis kenaikan, biarlah kalau jenis yang besar sebagai lori baik pun lori yang membawa cara lori kontrek ataupun lori kayu balak dan sebagainya janganlah disamakan dengan kenaikan sebagai motokar private ataupun motosikal dan orang berjalan kaki.

Katakanlah kesalahan yang sama yang patut dikenakan kepada motokar-motokar private ataupun motosikal yang dendanya \$500 atau \$1.000 hendaklah dikenakan kenderaan yang besar ini 10 kali ganda, maka dengan sebab itu selain daripada yang ditetapkan oleh Menteri tadi akan mengurangkan sedikit kemalangan jalan raya.

Yang kedua, Tuan Yang di Pertua, saya berterima kasih kepada Menteri yang berkenaan yang dia juga tahu ada lori-lori dan pemandu-pemandu yang membawa lori tersebut dengan tidak berlesen. Syukur kita kepada Tuhan kerana Menteri yang berkenaan telah tahu.

Di samping itu, ada lagi perkara-perkara yang kita sama-sama maklum berkenaan lori kontrek yang memakai 10 atau 15 tetapi ada lesen yang tidak lebih lima atau enam. Petang semalam seorang Menteri telah menyatakan kepada saya, cuba pergi ke kedai-kedai yang berkenaan yang ada menyimpan dua buah buku. Saya biasa kata dalam Dewan ini tiap-tiap seorang yang buat dia dengan kepandaian dan kepintaran hal yang demikian. Kalau polis ada ataupun CID payah hendak menyelidik, alangkah kita hendak menyelidik dia hendak bagi, jangan-jangan kita dihamun dan dimaki. Saya berharap jangan Menteri yang berkenaan berkata cuba pergi menyelidik. Benda ini tiap-tiap orang yang buat tentu dia pandai simpan, tetapi tempatnya ada, ada beberapa lori yang kadang-kadang ditukar nombor misalnya diangkat tanah merah ataupun menggunakan satu-satu bangunan atau batas sebagai kontrek, dia tukar nombor lori di situ, misalnya dia pergi satu tempat di tukarkan nombor lori lain, lori lain pula lalu dia akhirnya dia jalan dengan cepat. Jadi kerana perbuatan yang satu salah yang kedua lori lari pun cepat jadi berbagai-bagai kesalahan yang dapat mangsanya ialah orang luar bandar ataupun orang yang susah. Di atas niat Menteri yang baik ini satu perkara lagi dapat Menteri menyiasat lagi.

Yang ketiga, motokar tidak ada lesen salah, kalau tidak ada teksi orang kampung tidak boleh naik begitu juga tidak ada bas. Perkara ini telah dibangkitkan dan Menteri yang berkenaan berkata tidak patut dibagikan kerana tidak ada lesen. Hari ini mengikut rancangan Kerajaan baik Rancangan Malaysia Pertama apatah lagi Rancangan Malaysia Kedua telah membuatkan berbagai-bagai jalan, jalan kecil ataupun jalan besar tempat yang jalan itu boleh dimasuki oleh motokar-motokar, apakah ertinya jalan kalau rakyat terpaksa juga berjalan kaki, agak saya jalan tidak perlu. Kalau kadar hendak berjalan kaki jalan ada tiga batu hendak kena berjalan kaki lebih baik rakyat luar bandar dia cari jalan padang yang agak boleh potong lagi dekat sebagaimana kata Dr Mahathir

tadi kalau kita berkehendakkan kenderaan. Ada jalan yang berkenaan, Tuan Yang di Pertua, yang kenaikannya tak ada—teksi tidak ada. Minta tidak boleh, tidak boleh, jawab pihak yang berkenaan belum digezetkan. Bas tak patut masuk dan tak mahu masuk kerana jalan tidak begitu elok. Saya mengesyorkan jalan tanah merah patut dibagi mini bas ataupun lesen teksi sementara untuk boleh dilalui oleh kenderaan untuk mengambil mereka yang tidak ada kenderaan.

Yang keempat, kita tahu, bas di negara kita pun banyak dan kita mengambil cukai. Negeri-negeri dalam Malaysia Barat yang berhampiran Thailand banyaklah bas-bas Thai di masa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan juga melawat negeri Perlis, perkara ini juga biasa berlaku masih menggunakan untuk pelancung bagi menyewa bas-bas negeri Thai samada murah dan sebagainya kita tidak tahulah walau bagaimana pun kita tahu tiap-tiap satu kenderaan tentulah ada dengan insuran dan sebagainya kita tidak beri jaminan, adakah bas-bas dari negeri Thailand ada insurannya, tetapi walau bagaimana pun sebagai menjaga moral, maruah negeri kita tidak patutlah pelawat-pelawat negeri kita menggunakan bas negeri lain untuk melancung ke Pulau Pinang dan sebagainya. Saya harap Menteri yang berkenaan mengawasi perkara ini dengan seberapa cepat lagi.

Tuan Yang di Pertua, berkenaan dengan bas. Bas-bas ini kita tahu kompi yang besar-besar dan maju telah mendapat keuntungan berlipat kali ganda. Tetapi malangnya, kalau keretapi kadang-kala rugi, kadang-kala untung dapat mengadakan tempat-tempat perhentian (stesyen), saya berasa dukacita bas-bas kompi yang besar-besar sampai hari ini ada negeri-negeri yang tidak ada tempat perhentian bas kecuali, saya rasa negeri Kedah, dan beberapa negeri lagi, tetapi malangnya di Perlis telah beberapa kali di desak, diminta, dirayu namun tempat perhentian bas tidak pernah dibuat. Saya syorkan patutlah dibuat beberapa tempat yang berkenaan yang agak boleh orang-orang menanti bas di tepi batas. Ini kita tahu negeri kita sudah bertambah maju, ada setengah tempat pokok kayu kita tebang di mana hamba Allah itu tadi hendak tunggu bas. Dia hendak menunggu dalam kedai, kadang-kadang dia gamit pun, bas tidak mahu berhenti. Jadi kalau tidak ada tempat perhentian patutlah dibuat sangat dan

stesyen bas ini pun, saya tidak fikir yang kompani bas yang besar macam di Perlis, salah satu daripadanya

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, saya minta penjelasan. Soal hendak menyekatkan kereta lari laju, hendak mengadakan bas stand, hendak mengadakan teksi, berhubunglah dengan saya, saya boleh beri penjelasan. Cuba tepatkan kepada pindaan Undang-undang ini.

Tuan Shaari bin Jusoh: Terima kasih, Tuan Yang di Pertua. Sebagaimana saya katakan tadi, ini adalah untuk keselamatan jalanraya. Kalau segala-galanya tidak bagus ini membawakan kemalangan yang sedia kala berlaku.

Tuan Yang di Pertua, sebab-sebab yang saya syorkan semua bas ini adalah terlibat dengan rang undang-undang ini dan terlibat dengan kebaikan menjaga keselamatan jalanraya. Pendek kata kesemua ini tidak ada, maka itu adalah satu punca yang membawa kepada kemalangan jikalau berlaku. Macam stesyen bas. Saya fikir ini bersangkutan, kerana stesyen bas di Perlis tidak ada, bila tidak ada bas, orang hendak tunggu sana, tidak ada. Sekat tengah jalan, lari ke sana, lari ke sini—ini kemalangan yang akan berlaku. *(Ketawa)*

Tuan Yang di Pertua, satu lagi pada pendapat saya berkenaan dengan lesen bagaimana saya katakan tadi. Saya sediakala naik teksi macamlah orang-orang lain. Teksi ini ada yang besar, ada yang kecil—4 penumpang, baik Mercedes atau sebagainya. Kita ada dalam teksi itu kalau tidak silap dia boleh naik lebih daripada 4 kadang-kadang dia muat sampai 6 ataupun 5. Kita hendak marah kepada dia dengan muatan 5 dia hendak cari wang, tetapi mengikut pendapat saya patutlah Kerajaan mengubahkan peraturan. Kalau teksi yang besar macam Mercedes, dia beli pun dengan harga yang banyak, patut kita ubahkan daripada 4 boleh dimuatkan sampai 5 orang. Apa bererti kita naik teksi-teksi yang besar-besar kita naik sampai 4 orang. Lagi pula walau macam manapun dia masih naik juga sampai setakat 5 orang. Ini saya suka mengesyorkan kepada Kementerian yang berkenaan patutlah teksi-teksi ini mengikut kadar teksi, tetapi janganlah kurang atau lebih sampai 6 ataupun kadar

3. Saya berpendapat kalau teksi yang besar patutlah juga boleh dimuatkan sampai 5 orang.

Di negeri Perlis, Tuan Yang di Pertua, untuk mendapatkan lesen ataupun RIMV setelah dirayu beberapa kali, Menteri yang berkenaan pun berjanji hendak beri, tetapi boleh jadi disebabkan soal teknik dan sebagainya tidak diberi lagi sampai setakat hari ini. Tetapi sebagaimana kita tahu kata Dr Mahathir tadi, kenderaan telah bertambah banyak dari segi berbagai-bagai kenderaan. Kalau negeri Perlis itu kecil sekali pun namun Perlis tetaplah negeri dan saya merayu walaupun dalam Dewan barangkali Menteri agak tidak berapa sedap sedikit, mendengarnya sekali lagi yang tempat membayar lesen ataupun RIMV kadar yang berpatutan cara negeri Perlis patutlah diadakan dan kalau boleh disegerakan.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat boleh meringkaskan ucapan masing-masing disebabkan hari mesyuarat hanya ada 2 hari lagi, sedangkan masih ada 20 Rang Undang-undang lagi yang patut diselesaikan.

Dr Lim Ah Sitt: Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Lalulintas Jalan dan Kereta-kereta Motor (Negeri-negeri Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah) (Pindaan), 1973.

Tuan Yang di Pertua, adalah mengejutkan dan menyedihkan memperhatikan banyak kejadian kemalangan setiap hari di jalanraya mengakibatkan banyak bilangan orang yang tercedra dan maut seperti yang dilakukan oleh pemandu-pemandu memandu kenderaan-kenderaan dengan terlampau laju tidak peduli dan merbahaya yang lalai serta tidak mengindahkan undang-undang trafic dan lalulintas. Pemandu-pemandu ini kebanyakannya ialah pemandu teksi, lori dan van yang memandu terlampau laju untuk mendapatkan perniagaan yang lebih dan gaji dan mematuhi perjanjian dan pemandu-pemandu muda yang berani yang suka memandu dengan laju dan pemandu yang baharu dan tidak berpengalaman.

Walaupun kempen keselamatan jalanraya yang hebat yang dianjurkan oleh badan-badan yang tertentu, tetapi bilangan kemalangan jalanraya masih bertambah. Tiadalah bahawa undang-undang yang lebih keras hendaklah dikuat-kuasakan dan hukuman

yang lebih berat hendaklah dikenakan untuk menjamin keselamatan jalanraya.

Saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Wong Seng Chow tadi iaitu barangkali kita akan sediakan satu revolusi mental. Saya nampak pemandu-pemandu yang tersangat degil dan tidak mengikut aturan-aturan lalulintas. Dengan ini, saya menyambut dengan sebulat hati ke atas Rang Undang-undang ini dan disini ada dua perkara yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Pertamanya, berkenaan dengan keluasan kuasa dan bidang Pendaftaran Kereta-kereta Motor dan Lembaga Pelesen iaitu sesiapa yang ditangkap kerana memandu dengan terlampau laju tidak mempedulikan dan merbahayakan. Lesen pemandu dan pendaftaran cukai jalan mereka itu akan digantung oleh Pendaftaran dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor tanpa rayuan. Ini satu tindakan yang sesuai.

Yang kedua, berkenaan dengan suatu pasukan Pengawal Jalanraya, iaitu Flying Squad, yang lebih cekap akan ditubuhkan untuk memeriksa pemandu-pemandu yang memandu terlampau laju dan merbahaya; mereka itu dihukum. Saya mencadangkan bahawa untuk mencapai kecekapan, sebuah pasukan Pengawal Jalanraya yang besar adalah perlu dan pasukan ini hendaklah dianggotai oleh pegawai-pegawai dan kakitangan yang jujur dan tabah untuk melaksanakan tugas-tugas mereka dengan penuh kesetiaan, kecekapan dan keikhlasan dan tidak mudah dipengaruhi oleh rasuah.

Yang ketiganya, Undang-undang pengeluaran lesen pemandu hendaklah diketatkan. Jawatan Pemeriksaan Kenderaan di Jabatan Kenderaan hendaklah diperkenalkan kepada pegawai yang jujur, berkebakhtian, yang boleh menjalankan tugas-tugas mereka dengan tidak bersilang dan harus bersih, iaitu tidak menerima sebarang suap atau rasuah.

Tuan Yang di Pertua, akhirnya saya mengambil peluang di sini sekali lagi menarik perhatian Yang Berhormat Menteri Perhubungan ke atas ancaman dan bahaya keselamatan jalanraya oleh penonggang-penonggang basikal yang menggunakan basikal-basikal mereka pada waktu malam tanpa berlampu, khususnya di kawasan luar bandar yang tidak berlampu di tepi jalan. Semua Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini telahpun

mengalami kesulitan ini ketika berjalan pada waktu malam; sentiasa menghadapi ancaman daripada penonggang-penonggang basikal yang lalai, yang menggunakan basikal-basikal mereka tanpa berlampu.

Yang Berhormat Timbalan Menteri Perhubungan dalam jawapannya kepada soalan saya itu, di atas topic ini, pada 14hb Februari, menyatakan bahawa basikal-basikal dalam Malaysia Barat tidak didaftarkan melainkan di setengah-setengah kawasan di Majlis Bandararan seperti Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Melaka. Saya fikir ini tidak benar, kerana saya mengesahkan, iaitu semua basikal di dalam negeri Johor, iaitu di Majlis Bandararan dan Majlis Tempatan hendaklah membaharui lesen-lesen basikal tiap-tiap tahun di Pejabat Daerah atau Majlis Tempatan. Saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan supaya mengambil perhatian yang tegas serta tindakan yang sesuai untuk mencegah penonggang-penonggang basikal yang menggunakan kenderaan mereka itu tanpa berlampau pada waktu malam. Bagi mengurangkan kemalangan jalanraya, bolehkah Yang Berhormat Menteri mengambil langkah yang perlu bahawa semua basikal di Malaysia didaftarkan dengan lesen mereka dibaharui setiap tahun supaya basikal itu dapat diperiksa; samada mempunyai lampu yang sesuai dan mempunyai berik yang baik sebelum lesen mereka dibaharui. Juga pemeriksaan dan penangkapan sentiasa diadakan pada waktu malam di kawasan yang berkenaan, bukan sahaja di kawasan bandar bahkan yang lebih penting disepanjang jalanraya di luar bandar.

Datuk Mansor bin Mohamad: Tuan Yang di Pertua, saya juga suka mengambil sedikit masa untuk bercakap sepatah dua dalam menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan sebentar tadi.

Tuan Yang di Pertua, semakin banyak kita mengadakan kempen-kempen keselamatan jalanraya, iaitu tiap-tiap tahun, nampaknya semakin banyak kemalangan berlaku dan sebanyak itu pula kematian-kematian ataupun korban-korban sebagaimana yang kita dengar baharu-baharu ini. Seolah-olah kejadian-kejadian ini mencabar akan kebolehan Yang Berhormat Menteri kita yang garang ini. Saya berharap dengan adanya Undang-undang yang dibentangkan pada

petang ini Insya Allah barangkali perkara-perkara ini akan dapat dielakkan ataupun dikurangkan di masa-masa yang akan datang. Saya hanya suka menyentuh di atas satu, dua perkara yang saya sendiri merasa ragu-ragu; tentang baik atau tidaknya setengah-setengah peruntukan yang diadakan dalam Undang-undang ini. Misalnya berhubung dengan mendenda tuan-tuan punya kenderaan. Tidak menjadi halangan berhubung dengan denda, sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan tadi, kalau tuan-tuan punya kenderaan, pengangkutan tambang, yang barangkali harus mereka sendiri bersubhat menyuruh dreber-drebernya muatkan seberapa yang boleh, lari seberapa laju yang boleh untuk mendapatkan faedah yang lebih ini memang wajar, bahkan seberat-berat denda patut dikenakan, tetapi kita juga mestilah memikirkan setengahnya kejadian-kejadian lari lebih laju, laju yang tidak terhad, ataupun muatan yang lebih daripada yang dihadkan. Ini dibuat dengan tidak setahu tuan-tuan punya sendiri.

Kemudian, berhubung dengan kereta-kereta pakai. Ini lebih bahaya, terutama sekali barangkali Yang Berhormat Menteri tentu sedar. Kalau kita memandang dari segi wakil-wakil rakyat, wakil-wakil rakyat ini, telah menjadi tabiat kepada orang-orang kita di kampung-kampung, selalu bermanja-manja dengan wakil-wakil rakyat mereka. Bila ada satu-satu keperluan, kadang-kadang mereka datanglah meminjam kereta wakil mereka untuk hendak pergi ke satu-satu tempat yang mustahak, misalnya. Maka dalam perjalanan ini mungkin drebernya orang muda sedikit. Dia tengok jalan itu lurus, dengan kerana Menteri kita membuat jalan yang baik, dia pun laju, dengan tidak sedar, makin kuat, makin kuat. Bila ditahan tentulah mengikut undang-undang ini akan didenda dan wakil rakyat yang tidak berdosa tadi itupun didenda. Ini yang meragukan saya, sebab mengikut undang-undang ini tadi tuan punya kenderaan akan didenda sama sedangkan perkara ini tentulah tuan-tuan punya kenderaan sendiri tidak bersetuju kalau orang yang meminjamnya lari dengan terlampau laju hingga boleh membahayakan keselamatan.

Saya juga mengalu-alukan berhubung dengan penubuhan flying squad, tetapi adakah Yang Berhormat Menteri itu memikirkan dengan adanya flying squad ini dapat kita

mengawasi ataupun dapat kita cover semua kejadian-kejadian yang mungkin berlaku setiap hari di tanah air kita ini. Adakah difikirkan mencukupi dengan flying squad ini?

Saya suka mencadangkan untuk melaksanakan pencegahan yang lebih berkesan lagi selain daripada flying squad ini iaitu yang rasminya yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri supaya ditubuhkan Pasukan Flying Squad sukarela yang terdiri misalnya dari Ahli-ahli Parlimen dan juga Pegawai-pegawai Tinggi Kerajaan Divisyen I dan sebagainya. Barangkali dengan penubuhan flying squad secara ini dengan diberi surat kuasa untuk menahan kereta-kereta yang memotong dengan laju di tengah-tengah jalan. Dengan berita penubuhannya yang tersiar dalam akhbar ini sahaja pun maka pemandu-pemandu lori atau kereta ini telah berasa takut, sebab mereka ini tak tahu siapakah orang ini yang ada mempunyai kuasa untuk menahan mereka di tengah jalan untuk mencatatkan nombor-nombor kereta mereka. Dengan itu, rasa saya, barangkali sedikit sahaja kita bergerak tetapi kesannya akan banyak mendapat faedah kerana mereka banyak mendapat faedah kerana mereka akan sentiasa merasa ketakutan.

Tuan Yang di Pertua, saya adalah menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang ini dikuatkuasakan dan berharap pindaan-pindaannya betul-betul adil dan saksama dijalankan oleh pegawai-pegawai yang diberi kuasa atau tugas untuk melaksanakan kehendak undang-undang ini.

Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan: Tuan Yang di Pertua, saya berdiri adalah menyokong Rang Undang-undang ini dan mengucapkan tahniah kepada Menteri yang berkenaan kerana telah membuat pindaan undang-undang ini, sepatutnya telah lama dahulu, tak nanti sampai 10 tahun, baru hendak didatangkan pindaannya pada hari ini.

Tuan Yang di Pertua, satu perkara yang saya ragukan di mana penerangan Yang Berhormat Menteri iaitu tindakan akan diambil kepada pemandu-pemandu yang laju atau yang sangat laju, berapa meterkah had yang dikatakan laju dan sangat laju itu tidak dapat dinyatakan dalam undang-undang ini, untuk mentafsirkan laju dengan terlampau laju itu siapakah yang menentukannya. Itulah sebabnya barangkali yang telah sudah

manakala ditangkap dibawa ke mahkamah, buang kes atau buang bicara. Rasa saya, patutlah perkara ini ditimbangkan semula oleh pihak Kementerian supaya undang-undang ini benar-benar berkesan, benar-benar dapat menghalang kejadian buruk, kemalangan-kemalangan yang berlaku di jalanraya dan saya mengucapkan tahniah kepada rancangan Kementerian yang hendak mengadakan flying squad untuk memerangkap pemandu-pemandu yang tidak bertanggungjawab tetapi biarlah benar-benar berjalan sepertimana yang dikehendaki kerana saya berkata begitu ialah, cuba kita perhatikan bas, lori, van had lajunya tak lebih 35 b.s.j. tetapi saya bolehlah dikatakan hari-hari dari Seremban ke Kuala Lumpur, saya lari 50 b.s.j. bas potong kereta saya, lori potong kereta saya dan van pun potong kereta saya. Jadi macam mana angka yang 25 b.s.j. had laju dibubuhkan di situ—35 b.s.j. bagi van, 20 b.s.j. bagi lori bawa balak. Ini rasa saya sudah lamalah patut tindakan-tindakan diambil.

Satu perkara lagi barangkali patut samada Kementerian Perhubungan yang bertanggungjawab ataupun Kementerian Kerja Raya dan Tenaga bahawa had laju yang diletakkan hari ini di pekan-pekan tidak menasabah lagi. Walaupun pihak Kerajaan meletakkan had laju 30 b.s.j. tetapi tidak ada siapa hantunya yang mengikut had laju yang diletakkan oleh Kerajaan itu, termasuk Menteri sendiri (*Ketawa*). Jadi apa faedahnya tindakan had laju yang kita taruh itu kalau kita sendiri tidak menghormatinya tetapi ada orang yang hendak menghormatnya lori pula memotong dia daripada belakang. Jadi ini patut rasa saya pihak yang berkenaan memimbangkan semula kerana had laju 30 b.s.j. bagi pekan itu tidak sesuai lagi pada masa sekarang. Kalau sebelum perang dahulu boleh kerana laju kereta sebelum perang dahulu dengan hari ini jauh bezanya. Maka tanda papan yang dibubuhkannya di pekan-pekan itu tak sesuai tetapi di Jalan Kuching boleh lari 50 b.s.j. tetapi di Mantin tak boleh—30 b.s.j. sahaja walhal main road. Ini patut ditimbangkan. Saya bercakap dalam Dewan ini adalah kerana undang-undang ini akan mendeda dengan lebih berat lagi kepada pemandu-pemandu yang akan melanggar peraturan-peraturan yang dikanunkan itu. Kalau sekiranya nanti teraniaya kepada mereka-mereka yang benar-benar jujur.

Dan lagi saya sukalah mengingatkan kepada Kementerian yang berkenaan andai kata undang-undang yang kita pinda, yang kita luluskan hari ini tidak boleh juga menjamin mengurangkan kemalangan jalanraya itu saya harap Menteri yang berkenaan tidak ragu-ragu supaya membuat pindaan yang lebih ketat lagi di masa yang akan datang. Rasa saya, dengan undang-undang sahajalah yang boleh mengawal mereka yang tidak bertanggungjawab itu, kerana saya tahu ada satu negeri bahawa pemandu motokar takut pada orang. Ini telah saya saksikan sendiri dengan mata kepala saya sendiri. Walaumacamana lajunya bila dia tengok orang melintas, walaupun tidak di zebra crossing maka kereta itu berhenti dengan sendirinya, dia lepaskan orang yang lalu itu, kerana di negeri itu undang-undangnya tersangat ketat. Kalau sekiranya seorang itu melanggar, kalau cacat seorang yang dilanggarnya itu tidak ada bicara lagi, pergi sahaja ke mahkamah, dia tentukan kamu mesti bayar sekian-sekian kepada orang yang dilanggar itu. Ini, rasa saya, kalau sampai masanya negara kita ini membuat begini untuk mengelakkan supaya nyawa manusia tidak begitu disangsikan, patutlah kita membuat undang-undang yang tersebut.

Tuan Yang di Pertua, inilah sahaja apa yang hendak saya sebutkan satu dua perkara dan saya adalah menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang ini.

Tuan Yeap Kheng Yam: Tuan Yang di Pertua, saya hendak bercakap dengan pendek dan ringkas sahaja. Saya juga menyokong Rang Undang-undang Lalulintas Jalan dan Kereta-kereta Motor.

Terlebih dahulu saya suka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri yang berkenaan kerana beliau nampaknya sangat-sangatlah bertanggungjawab atas masalah kenderaan.

Di sini saya cuma hendak menyampaikan dua cadangan sahaja. Kerajaan patutlah selalu mengadakan kursus sivik untuk pemandu kenderaan dengan memberikan pelajaran-pelajaran dan nasihat-nasihat mengenai kenderaan supaya memelihara kesopanan yang baik dan sentiasa sabar ketika membawa kenderaan.

Yang kedua, pada pandangan saya mengenai pihak orang ramai yang membawa kereta-kereta atau driving test untuk

pemandu-pemandu patutlah disyaratkan dengan keras dan janganlah diberikan lesen pemandu yang baru yang hanya belajar membawa kereta selama tiga bulan sahaja kemudian diberikan driving test. Sepatutnya setahun, baharulah diterima untuk ditest.

Dan akhirnya saya harap, janganlah kita semua cuma menyalahkan kepada pemandu-pemandu lori, bas dan van sahaja, patutlah juga kita memarahi pemandu-pemandu gulungan anak-anak muda kita yang suka membawa kereta mereka dengan laju di mana-mana tempat sahaja.

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

(Usul)

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa perjalanan mesyuarat Dewan Negara hari ini hendaklah dikecualikan daripada peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1) sehingga pukul 7.30 malam ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa perjalanan mesyuarat Dewan Negara hari ini hendaklah dikecualikan daripada peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1), sehingga pukul 7.30 malam ini.

Perbincangan disambung semula:

RANG UNDANG-UNDANG LALU LINTAS JALAN DAN KERETA- KERETA MOTOR (NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU, SARAWAK DAN SABAH)

(PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di Pertua, saya tidak hendak bercakap panjang cuma menyokong Bil ini.

Saya minta kepada Menteri yang berkenaan supaya membuat satu perkiraan

dengan pihak yang berkuasa bahawa apabila kita laksanakan atau menguatkuasakan Bil ini menjadi Undang-undang, Kerajaan dengan seberapa boleh menghapuskan gerakan rasuah yang berlaku dalam perusahaan pengangkutan ini. Bagaimana yang saya dapat tahu Bil ini ialah mengenakan kuatkuasa kepada tuan lori, tuan van dan derebar-derebar. Apabila kita kuatkuasakan atas tuan lori, tuan van dengan kita tidak menghapuskan kejadian-kejadian kumpulan yang menekankan rasuah kepada mereka itu, maka saya bimbang jumlah rasuah yang kena dibayar dengan kerana tekanan undang-undang ini, maka jumlah rasuah yang biasa dibayar \$2 umpamanya, maka pihak yang mengambil rasuah dengan adanya undang-undang yang lebih ketat lagi akan mengambil kesempatan bahawa "Lesen awak akan digantungkan, dipotong, ataupun lesen kenderaan dan sebagainya." Maka kalau biasanya diambil \$2, kali ini dia naikkan kepada \$5. Ini adalah satu masalah pelaksanaan yang sekarang saya hendak bagi kenyataan secara peruf yang nyata, itu susah sedikit, tetapi benda ini berlaku di dalam masyarakat kita yang dengan jelas, kalau sebuah lori memuat barang lebih daripada muatannya, maka kalau dia mengambil perjalanan daripada Kuala Lumpur ke Kota Bharu dia ada beberapa sekatan jalan dan tiap-tiap sekatan jalan itu samada sekatan jalan yang kekal ataupun sekatan jalan yang tidak kekal, maka mesti dibayar \$1, \$2 atau \$5 pada satu-satu tempat. Ini adalah kejadian yang sudah menjadi kebiasaan berlaku dalam negara kita umpamanya di Kelantan di negeri saya yang saya tahu. Saya bukan tuan punya lori, tetapi saya tahu perkara ini berlaku, ada kumpulan yang cukup bulan dia pergi terima sahaja duit rasuah itu untuk dibahagi-bahagikan kepada kumpulan mereka itu. Kalau sekiranya sebuah lori tidak bayar, maka 4 kali saman satu hari dia kena kepada tuan-tuan lori itu.

Perkara ini mesti kita pecahkan. Kumpulan-kumpulan jahat seumpama ini mesti dihancurkan. Kalau tidak, maka undang-undang ini tidak akan memberi kesan yang besar kepada tujuan asalnya itu.

Kumpulan-kumpulan ini bukan sahaja di Kelantan pada pendapat saya bahkan di tiap-tiap negeri yang banyak mereka yang tahu, barangkali pihak yang berkuasa pun tahu, tetapi hendak memecahkan mesti kita

cari satu jalan yang baik, kalau boleh mendapatkan kerjasama dari pihak orang ramai, Polis sendiri, pihak Jabatan Pengangkutan dan sebagainya, dan kalau boleh dengan pihak tuan lori itu sendiri. Kita jadikan tuan lori itu umpamanya orang-orang yang mencari rahsia ini dan diberikan hadiah-hadiah yang tinggi kepada mereka yang boleh memecahkan kumpulan-kumpulan yang merbahaya itu.

Saya bimbang takut perkara ini akan menjadi tradisi di dalam negara kita dengan cara-cara yang seumpama itu.

Pada hari ini kita berbahas meletakkan kesalahan itu kepada tuan lori dan derebar lori sahaja samada dibahaskan dalam Dewan Rakyat ataupun dalam Dewan Negara ini, tetapi kita tidak fikir bagaimana dengan penangguhan mereka yang mesti membayar hasil, road tax, lesen dan mesti bayar rasuah lagi. Jadi banyak bayaran-bayaran yang berat yang dikenakan di atas mereka itu. Kalau sekiranya kita mengambil tindakan di atas satu pihak dengan tidak menjaga keselamatan dan kebaikan mereka, maka mereka terasa, mereka itu pun orang yang ingin mencari makan juga. Kalau ditekan dengan terlebih sangat, saya takut akan timbul satu perasaan. "Ini macam mana kita mahu berniaga sekarang, kita kena bayar hasil, kita ditekan dengan secara yang tak patut lagi." Ini adalah satu perkara yang patut Menteri yang berkenaan berunding dengan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri supaya dapat kita pecahkan kumpulan-kumpulan yang merbahaya itu.

Satu lagi perkara yang saya minta Menteri yang berkenaan berunding dengan Menteri Kerja Raya, Menteri itu selalu tak menjaga orang-orang yang bekerja, dia pecahkan jalan ditinggalkan begitu sahaja. Kemudian dengan tidak diadakan lampu, dengan tak ada tanda di waktu malam. Kereta selalu sudah kena accident. Berapa banyak accident telah berlaku dalam negara kita kerana tidak ada lampu isyarat menyatakan bahawa jalan itu telah pecah. Dia buat kerja siang hari, malam ditinggalkan—tidak dijaga. Saya dapat tahu, kerana saya ada menyewa rumah di Jalan Hale, saya tahu jalan itu dipecahkan, patut jalan itu boleh ditutup terus dengan tar pada hari itu, dia tak tutup sampai tiga hari, malanya saya tak boleh tidur. Bising bunyinya kereta-kereta yang lalu di lubang yang digali itu. Ini merbahaya yang sangat

besar yang menyebabkan banyak kemalangan di jalanraya, disebabkan tidak ada tanda yang menunjukkan jalan itu ada lubang dan sebagainya. Ini patutlah diperhatikan, bukan sahaja kita melaksanakan undang-undang, tetapi kita kena memandangkan pada segi pelaksanaan undang-undang itu, dan kita juga mesti kuatkuasakan undang-undang itu dengan menjaga pula kepentingan perniagaan dan perusahaan yang ada dalam negara kita ini.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di Pertua, bagi saya apa juga undang-undang yang hendak dikemukakan di sini yang boleh mengawal dengan lebih baik keselamatan jalanraya, saya sokong Rang Undang-undang itu. Saya ada hanya beberapa perkara sahaja yang hendak di kemukakan dan saya bersetuju dengan kebanyakan suara-suara yang telah dikemukakan oleh sahabat-sahabat saya di sini.

Salah satu sebab-sebab kemalangan jalanraya ialah oleh sebab kenderaan itu sendiri. Saya tidak tahulah samada Kementerian Perhubungan atau apa-apa juga Kementerian di negara kita ini yang telah membuat penyelidikan atau research dari segi kenderaan itu sendiri. Saya tahu di negara lain ada research-research yang dibuat yang mana dikatakan umpamanya tali pinggang keledar mestilah dilekatkan kepada tiap-tiap kereta bukanlah lagi sebagai optional accessories, tetapi sebagai perkara yang dimestikan.

Saya nampak di bawah Rang Undang-undang ini ada peruntukan dibuat yang mana Menteri boleh mengadakan peruntukan yang mana tali pinggang keledar itu mesti dipasang di tiap-tiap kenderaan. Barangkali penyelidikan di negara kita ini tidak begitu mencukupi, barangkali tidak ada badan yang besar-besar untuk menyelidikinya, kalau tidak rasa saya tidak ada salahnya kalau kita pandang kepada negara-negara yang telah membuat penyelidikan dari segi kenderaan.

Saya tahu umpamanya, satu research atau satu study yang telah dibuat oleh Ralph Nader terhadap General Motors. Dia telah menerangkan di dalam studynya bagaimana kereta-kereta itu boleh menjadi merbahaya, barangkali daripada research yang telah dibuatnya itu kita boleh ambil pengajaran yang boleh menguntungkan kepada kita kerana motorkar yang dipakai di sana dan motorkar yang dipakai di sini, dari segi kemalangan, rasa saya, tidak ada bezanya.

Umpamanya di setengah-setengah negara telah memestikan supaya tempat duduk itu disampaikan kepada tengkok. Ini berhasiikan daripada research, maknanya kalau ada pelanggaran, barangkali tengkok orang itu tidak patah, kalau tempat duduk bersandar cuma sampai ke bahu sahaja mungkin patah tengkok. Itulah hasil research yang telah dibuat. Di sini saya tidak tahu samada research setakat itu telahpun dibuat. Begitu juga dari segi bumper kereta; sekarang ini kebanyakan kereta pakai bumper besi, ada juga kereta yang telah pakai bumper getah, mungkin kalau kita hendak jual getah lebih banyak sedikit, kita mestikan supaya semua bumper pakai bumper getah. (*Tepuk*).

Kalau kita pandangan kepada separuh kereta-kereta yang ada di negara kita ini kita nampak macam-macam alat yang dilekatkan ke atas kereta, ada yang patongnya kuda, ada yang supermannya, alat-alat yang tajam. Ini juga rasa saya dari pendapat research yang telah dibuat oleh negara-negara yang lain, didapati barang-barang yang tajam seperti saya katakan tadi kuda atau superman yang dipasang itu tidak boleh diletakkan, maknanya apajuga projection tidak dibenarkan lekat dibonnet ataupun mud guard kereta itu. Saya tidak tahu samada kita hendak buat begitu di sini, kalau kita kuatkuasakan peraturan semacam itu, nampaknya Menteri kita tidak boleh pakai bendera, kerana tiang bendera itupun boleh dianggap projection juga.

Saya lihat, Tuan Yang di Pertua, pindaan-pindaan yang dibuat di bawah ini, terutama sekali di bawah Seksyen 34, 34 (A), 35 dan 36 ini semuanya pindaan-pindaan yang baik. Selalunya bila seorang itu dituduh kerana cuai, umpamanya di bawah Seksyen 36 Undang-undang Lalulintas, kadang-kadang bukannya dia tidak salah, dia sendiri pun sedar yang dia salah, dia hendak mengaku salah di mahkamah, bukan dia tidak hendak mengaku, tetapi oleh kerana dia terikat dengan insuran yang dia telah ambil. Selalunya kalau kita tengok dalam tiap-tiap polisi insuran kita telah berjanji dengan company itu jika kita mengaku salah insuran tidak mahu bayar. Ini barangkali satu perkara yang patut boleh kita rundingkan dengan pihak insuran untuk mencepatkan supaya perbicaraan di bawah Seksyen 34, 35 dan 36 itu boleh cepat habis. Kalau kita tengok di Mahkamah di negara kita ini banyak sangat kes-kes yang berlonggok-longgok kerana tiap-

tiap tuduhan di bawah Seksyen 36 ini, orang itu tidak mahu mengaku salah. Bukannya dia tidak mahu mengaku salah, tetapi oleh kerana terikat kepada polisi insuran yang telah diambil tadi. Saya harap, barangkali suatu perjumpaan boleh dibuat dengan pihak insuran dan syarikat-syarikat insuran bagaimana mereka boleh, sungguhpun orang itu mengaku salah dari segi jenayah, tetapi dari civil liabilitiesnya pihak insuran juga sanggup menanggung.

Bercakap sedikit berkenaan dengan pemandu "L" yang juga kadang-kadang mengakibatkan kemalangan jalanraya, saya, harap dapat Menteri memberi penerangan sedikit kerana pemandu "L" yang saya tahu bila dia memandu dia tidak boleh memandu seorang. Dia mesti membawa seorang lain yang ada lesen sah—ini dari segi membawa kereta. Maknanya kalau dia bawa lebih daripada dua orang, kalau tidak salah saya, dia melanggar undang-undang. Saya tidak tahu samada undang-undang itu kena kepada askar-askar dan polis-polis, kerana selalu saya tengok pagi-pagi bila saya lalu ikut Jalan Maxwell, oleh kerana di situ banyak liku, banyak corner, mereka prektis di situ, terutama sekali lori-lori polis, dia bawa "L" besar-besar, kita tengok, tetapi di dalam lori itu banyak sangat orang, bukannya drebar itu seorang sahaja ada 5 dan 6 orang lain di dalamnya. Barangkali undang-undang ini ada berbeza sedikit, saya tidak tahulah, barangkali polis tidak kena kepada undang-undang biasa, dia ada pula undang-undang khas, itu saya tidak tahu. Kalau mereka terpaksa juga patuh kepada undang-undang yang ada sekarang ini, jadi rasa saya perbuatan mereka itu tidak betul.

Saya hendak sentuh satu sahaja lagi perkara di bawah pindaan seksyen 55 (2A) ini berkaitan dengan kuasa yang diberi kepada pihak polis untuk menarik kereta ataupun menyuruh orang-orang yang terlibat daripada pelanggaran yang menyebabkan obstruction. Di sini ada mengatakan, kalau orang itu ada di situ pihak polis boleh suruh dia pergi. Kalau orang itu tidak ada di situ iaitu dalam bahasa Inggerisnya "driver or person in control or in charge of such motor vehicle cannot, without undue delay be found, a police officer not below the rank of inspector may cause such motor vehicle to be removed from such road". Rasa saya tujuan itu baik, kerana kadang-kadang kalau kita sudah melanggar, kalau kita hendak

ubah kereta itu mungkin dari segi keterangan civil claim kemudian hari itu banyak kecoh. Orang itu kata pemandu yang satu salah. Jadi itu rasa saya tujuan Rang Undang-undang, maknanya bila berlanggar itu tidak bolehlah kita ubah kereta itu, selagi pihak polis tidak siasat, tidak ukur jalan, di mana kereta "A" terletak dan di mana kereta "B" terletak. Tetapi kalau di sini kuasa mengubah itu hanya diberi kepada inspector dan yang ke atas sahaja saya rasa tidak tahulah samada boleh kita kuatkan dengan sepenuhnya, kerana setahu saya banyak balai-balai polis bukan yang di tempat besar, di tempat kecil yang dikuasai oleh cuma sarjan-sarjan sahaja.

Kalaulah tujuan Yang Berhormat Menteri mengadakan "flying squad" ini iaitu tiap-tiap kereta "flying squad" ini ada seorang Inspector, mungkin senang sedikit. Kalau tidak, kalau hendak tunggu umpamanya di tengah jalan susahlah. Katalah di antara Kuala Lumpur dengan Kajang umpamanya, itu tidaklah begitu jauh, ada sebuah Balai Polis di Batu 9. Di situ rasa saya bukanlah ada Inspector, cuma ada seorang sarjan sahaja yang menjadi ketua di situ. Kalau berlaku di situ maknanya dia tidak ada kuasa mengubah kereta itu. Terpaksalah dia menunggu Inspector datang. Barangkali ada juga di tempat-tempat lain yang terpencil yang mana Inspector susah sedikit hendak datang. Saya hendak tahu samada kuasa yang diberi kepada Inspector itu adakah mencukupi dengan kuasa Inspector menalipon umpamanya kepada Sarjan, katanya: bolehlah awak ubahkan ataupun mesti Inspector itu sendiri pergi menyiasat dahulu sebelum dia mengatakan: ini boleh kita ubahkan. Ini rasa saya tidak begitu jelas, kerana pada suatu hari besok mungkin timbul kekecohan sedikit di mahkamah dari segi tuntutan sivil.

Sekianlah pandangan saya, Tuan Yang di Pertua, terhadap Rang Undang-undang ini.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di Pertua, orang-orang yang bertanggungjawab dan menasabah wajiblih menyambut Rang Undang-undang ini. Kita semua tahu apa yang telah jadi dalam suasana jalanraya negara kita. Selalu kita membaca dalam suratkhbar-suratkhbar mengenai kemalangan-kemalangan yang besar dalam mana manusia dapat kecederaan-kecederaan yang parah dan juga orang-orang selalu hilang nyawanya.

Yang Berhormat Menteri yang berkenaan petang tadi ada memberitahu kepada Senate ini angka-angka berkenaan dengan kemalangan-kemalangan dan juga kecederaan-kecederaan dan kematian-kematian di jalanraya.

Pada masa sekarang, dalam negeri kita kenderaan-kenderaan ada lebih kurang 800,000 dan 900 orang telah mati dalam tahun yang lalu. Ini bermakna lebih kurang satu kematian bagi 700 kereta atau kenderaan berbanding dengan angka-angka dalam negeri-negeri yang maju seperti United States. Beberapa tahun dahulu di jalanraya dalam United States terjadi satu kematian bagi 1,200 kereta atau kenderaan. Saya ingat lima enam tahun dahulu di sini lebih kurang satu kematian bagi 500 kereta-kereta (motor vehicles). Ini bermakna kita dapat satu kematian bagi kereta-kereta yang kurang di sini. Manakala di United States lebih kereta tetapi kematian kurang. Mengapa? Sebab di United States dan juga di negeri-negeri yang maju discipline dalam negara-negaranya adalah lebih baik, jalanrayanya luas, undang-undangnya ketat, road behaviour lebih develop, sebab itu kemalangan di sana kurang dan juga kematian kurang. Sekarang kita di sini ada lihat tidak berapa lama dahulu banyak kemalangan yang sudah terbit dalam suratkhbar, ini menjadi satu perkara yang memeranjatkan dalam negara kita. Dan inilah satu jalan untuk mengikut atau mengurangkan kemalangan di jalanraya. Tetapi ini bukan sahaja satu jalan, ada juga lagi tiga jalan. Ini jalan yang boleh dikatakan jalan preventive atau prohibitive. Mengikut jalan preventive atau langkah-langkah preventive ini ada dua atau tiga bahagian Satu, kuatkuasa bagi pihak polis dan Yang Berhormat Datuk Nik Hassan sudah beritahu Senate ini, kalau kita mahu menjayakan Rang Undang-undang ini mestilah kuatkuasa polis yang ada dalam lapangannya (field) lebih dahulu the frontal man yang hendak menguatkuasakan peruntukan-peruntukan dalam Bil ini. Kalau dia tidak buat kerjanya dengan betul, kalau dia lalai atau tidak bertanggungjawab, Bil ini tidak bermakna apa-apa. Kesan Bil ini boleh jadi kurang. Dan saya harap Kerajaan ambil semua langkah-langkah dan tindakan yang berkenaan untuk mendapat polis negara kita untuk melaksanakan preventive measures yang di sebutkan dalam Rang Undang-undang ini.

Lagi satu kuasa (power) yang ada untuk menguatkuasakan peruntukan, ini ialah mahkamah (court) sendiri. Mahkamah ada kuatkuasa di bawah dua perkara: satu, berwajib dan satu berbudibicara atau bijaksana (discretionary). Tetapi mahkamah selalu dia berpengalaman untuk menguatkuasakan kuasa-kuasa mengikut undang-undang atau dengan cara apa yang dikatakan judicial exercise of powers.

Lagi satu kuasa yang besar ialah pentadbiran sendiri; ini pentadbiran Road Transport Department dan juga pegawai-pegawai di pejabat itu ada kuasa-kuasa yang besar dalam Bil ini dan juga dalam Bil Ibu (Parent Law) iaitu Road Traffic Ordinance, 1958. Di sana pun boleh jadi juga rasuah-rasuah dengan bermacam cara. Saya harap Yang Berhormat Menteri akan berjaga-jaga dan memberi arahan-arahan yang sesuai untuk melaksanakan provisions dalam Bil ini.

Cara yang kedua ialah cara atau langkah-langkah pendidikan. Itu tidaklah tanggungjawab terus dari Kementerian Perhubungan ataupun Yang Berhormat Menteri, sungguhpun Yang Berhormat Menteri selalu juga ada mengambil bahagian dalam langkah-langkah yang berkenaan dengan ini, iaitu pendidikan dalam jalanraya (road education). Ini melibatkan semua pihak. Bukan sahaja murid-murid, bahkan juga orang-orang dewasa supaya dapat dididik macam mana dia mahu behave di jalanraya. Ini adalah satu jalan yang kita kena jaga dari satu masa ke satu masa untuk menaikkan kesedaran road behaviour.

Rakan saya Yang Berhormat Dr Mahathir ada berkata terlebih dahulu iaitu berkenaan dengan jalanraya ini ialah tanggungjawab PWD—the construction measures, langkah-langkah membina, dan semuanya ini sebagai the preventive measures; yang kedua, educational measures, dan yang ketiganya, constructive measures. Semuanya mestilah bekerjasama dan kita berharap boleh mengurangkan kemalangan di jalanraya.

Tuan Yang di Pertua, sekarang saya suka merujukan kepada seksyen berkenaan dengan kuasa baharu yang diberi kepada Pendaftar iaitu suatu kuasa menggantung lesen (power of suspension). Ini diberikan dalam Section 16 Road Traffic Ordinance, 1958.

Dalam seksyen ini Pendaftar pada masa sekarang dia berkuasa untuk membatalkan motor vehicle licence bukan lesen yang diberikan oleh Licencing Board.

Pendaftar ini sekarang ada diberi kuasa dalam Bil ini. Kalau sesuatu motor vehicle lari lebih laju daripada yang dihadkan, dia telah membuat satu kesalahan, dan kalau dia buat satu kesalahan dia kena denda dalam Court, dan Fasal 14 dalam Bil ini adalah diberi satu kewajipan kepada Mahkamah merujukkan keputusannya kepada Road Transport Department. Dengan jalan itu, Road Transport Department akan dapat tahu siapa yang kena denda (convicted) atau bersalah dan kemudian daripada itu Pendaftar berkewajipan mengambil satu-satu langkah. Satu langkah yang boleh diambil kalau seseorang itu membawa kereta laju misalnya kalau had laju itu 30 b.s.j. dia lari 40 b.s.j. dan mengikut radar-radar yang disebutkan dalam Bil ini pemandu (driver) itu akan ditangkap dan didenda, sesudah itu dirujukkan kepada Pendaftar dan Pendaftar boleh menggantung lesennya. Kalau lesen itu digantung dalam satu bulan sahaja maka tidaklah berhak dia merayu (appeal) kepada Commissioner of Road Transport. Lebih-lebih maximum yang dia boleh menggantung ialah 6 bulan sahaja. Dan kalau seseorang itu digantung lesennya lebih daripada satu bulan, dia boleh merayu kepada Commissioner of Road Transport. Apa yang saya bimbangkan di sini ialah satu perkataan yang tidak tentu, kalau kita lihat Section 16 di dalam undang-undang ini sekarang, kuasa ini ialah discretionary power atau dalam Bahasa Kebangsaan kuasa budibicara bukan kuasa berwajib.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri kalau conviction atau didenda dalam Court sudah dirojokkan di bawah Section 120 dan Pendaftar sudah menerimanya, pemandu didapati bersalah, adakah dia wajib digantung—suspension atau discretionary power sahaja?

Dalam undang-undang ini ada perkataan “may” yang mentafsirkan sebagai “must” kita tahu, tetapi di dalam sub-section (2) of Section 16 “A Registrar may refuse to grant a Motor Vehicle Licence or a Motor Trade Licence or may cancel” and then we come to the Bill here . . . Rang Undang-undang yang disebutkan di sini bahawa Section 16 is hereby amended by inserting

immediately after the words "or may cancel" appearing in sub-section (2) thereof the words "(or suspend for a period not exceeding six months)". Bermakna "may suspend not exceeding six months" iaitu kuasa-kuasa ini discretion sahaja. Kalau kuasa discretion sahaja sebagaimana yang disebutkan dalam fasal ini tidaklah disebutkan dengan jelas—adalah ragu-ragu sedikit dan bolehlah di lawan dalam Court dan minta Mahkamah mentafsirkan perkataan ini. Saya harap Yang Berhormat Menteri bolehlah memberi satu arahan sebagai dasar (policy) direction kepada semua Pendaftar-pendaftar dalam negeri bahawa perkataan "may" ini mestilah ditafsirkan sebagai "must". Bila sudah diterima dan merujuk (reference) daripada Court, dia mestilah mengambil langkah-langkah tidak dengan discretion. Kalau dia ada discretion, nanti dikuatirkan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Nik Hassan boleh jadi juga rasuah akan berlaku disesuatu tempat Kuasa macam ini, saya fikir, lebih baik diberikan dalam legislation dengan ketatnya. Discretionary power ini diberi kepada Commissioner sebagai satu affiliate authority yang dia boleh timbang dan dia boleh kurangkan, kalau ada sebab-sebab yang justified. Inilah pandangan saya sebagai satu observation memberikan di sini dan dengan ini, saya sukalah mengalu-ngalukan Rang Undang-undang ini.

Kita berharap dengan ini, bolehlah kurangkan sedikit. Tidaklah dapat kita hapuskan kemalangan jalanraya, tetapi apa yang kita harap adalah dengan jalan ini kita boleh mengurangkan dan suspension orders, saya fikir, tuan-tuan punya lori dan van semuanya takut kalau didapati suspension, perniagaannya akan terhenti satu bulan dan driver itu pun tidak boleh bekerja dalam masa satu bulan. Sekarang apa yang terjadi kalau dia kena fine di dalam Court, tuan punya lori itu bayar fine pemandunya lorinya, semua orang bayar fine, dia pun ketawa juga dan denda yang dikenakan oleh mahkamah tidak tinggi, dengan sebab itu, sekarang legislation kita tidak bergigi—there is no teeth. Ini ada gigi sedikit dan saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh menggigit dengan undang-undang ini dan boleh mengurangkan kemalangan atas jalanraya.

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di Pertua, saya juga bangun dan menyokong Rang Undang-undang ini dan

mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan yang mana telah membawa Rang Undang-undang untuk diluluskan iaitu bersangkutan dengan kemalangan jalanraya, maka kita percaya bagi pihak pemandu-pemandu mahupun kita di sini boleh dikatakan kebanyakan membawa kereta-kereta persendirian tentu sekali tak mahu membayar lesen pemandu yang bertujuan untuk kemalangan jalanraya, jadi tentulah tidak bertujuan begitu.

Boleh dikatakan bagi tiap-tiap pemandu ini mengingatkan, kalau boleh, anak-anak ayam yang ada di jalan itu tidak mahu di-gelek. Tetapi kemalangan jalanraya ini memanglah berlaku dengan beberapa sebab yang ada kaitannya di antara satu sama lain, kadang-kadang kita menyetatkan bagaimana hukuman sekalipun kepada pemandu-pemandu ini tetapi kemalangan itu berlaku juga. Sebagaimana yang telah lalu kita katakan keadaan hukuman-hukuman telahpun dijalankan, tetapi sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi kemalangan makin bertambah. Saya katakan ada hubungannya di antara satu dengan lain ialah sebagai Yang Berhormat Menteri Perhubungan sebagai kita katakan bagi pihak Jabatan Polis, bagi pihak Jabatan Kerjaraya dan Tenaga atau orang yang lain-lain lagi tentulah perkara ini sebagaimana yang telah disebutkan tadi, jalan-jalan yang tidak begitu memuaskan yang boleh berlakunya kemalangan dan begitu juga kita tahu berkenaan dengan penonggang basikal dan juga keadaan lembu kerbau, jadi kesemuanya ini ada kaitannya dengan kemalangan jalanraya. Dengan adanya kaitan ini, maka kita berharap Menteri Perhubungan akan dapat membuat hubungan-hubungan ini dan hukuman-hukuman yang akan dikenakan kepada pihak-pihak yang cuai di dalam perkara ini.

Sebagaimana kita katakan tadi, Jabatan Kerjaraya dan Tenaga kalau mencuaikan kerja ini kepada siapa kita hendak menyalahkan. Di negeri saya juga, di negeri Perlis, kadang-kadang keadaan Jabatan Kerjaraya menjalankan kerja-kerjanya tinggalkan begitu sahaja. Jadi dengan keadaan begitu kadang-kadang dengan ada tongnya tidak berlampu, ada jalan yang dikorek tidak ditutup. Jadi dengan keadaan ini selalu berlaku kemalangan. Jadi dengan inilah kita berharap kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan supaya dapat menghubungkan

perkara-perkara ini, lebih-lebih lagi di sebelah luar bandar sangat yang keadaan lembu kerbau berkeliaran, ini pun boleh menyebabkan kemalangan, maka kesemuanya hukuman-hukuman kalau dihukumkan kepada pemandu-pemandu sahaja tentu saya kata tidak menasabah.

Sepatutnya hukuman-hukuman itu dikenakan sama berat kepada pihak-pihak yang berkaitan dalam perkara ini. Selain daripada itu, kecuaiannya yang selalu kita dengar pada hari-hari kebesaran seperti Tahun Baharu Cina, Hari Raya Hindu mahupun Hari Raya orang-orang Melayu kemalangan berlaku makin bertambah. Apakah sebabnya? Kadang-kadang kita dapati ada satu sebab kerana kelalaian pemandu itu disebabkan hilang akal—maka hilang akal ini terdapat daripada minuman-minuman yang memabukkan. Jadi soal-soal ini juga patut seorang pemandu yang dipastikan atau yang ditahan dengan membawa kereta dengan meminimum minuman yang keras dengan mabok patut diberi satu hukuman berat yang juga kepada peminum-peminum itu, kerana di dalam Islam kita minuman itu ditegah terus dan kita percayalah perkara ini tentu sangat baik. Jadi dengan kecuaiannya ini, saya berharaplah perkara ini juga, perkara-perkara pemandu-pemandu yang minum minuman keras semasa memandu kereta sehingga tidak dapat mengawal, maka perkara ini juga patut mendapat perhatian daripada Menteri Perhubungan.

Selain daripada itu, kita percaya tujuan undang-undang ini dibuat ialah menjauhkan, terutama sekali daripada berlakunya kemalangan jalanraya. Jadi dengan kerana itulah saya sebutkan tadi berkenaan dengan beberapa perkara, maka saya percaya perkara ini dapat dielakkan sekiranya keadaan-keadaan ini dapat hubungan daripada Yang Berhormat Menteri.

Setakat inilah sahaja yang dapat saya berikan pandangan saya dalam perkara ini dan kita berharap perkara-perkara yang telah diputuskan dapat dijalankan dengan begitu baik oleh Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, bagi menjawabnya, pertama sekali saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap. Nampaknya, ini boleh dikatakan satu rekod bagi Dewan ini.

Ini menunjukkan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, 2 orang peguam yang terkenal, 2 orang doktor yang terkenal dan yang lain-lain mengambil bahagian telah memberi pandangan kepada perbahasan untuk faedah seluruh rakyat yang mereka semua mengambil berat bagi menyokong sepenuhnya dan tidak ada seorang pun yang bersuara membangkang.

Saya mengambil peluang mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih, terutama sekali sahabat saya seorang peguam yang mahir tentang soal "may", "shall", "may be", tetapi saya suka menerangkan yang kuasa diberi kepada Pendaftar not cancellation, just suspension—itupun di suspend vocational driving licence. Kita akan keluarkan vocational driving licence tiap-tiap tahun, jadi disyaratkan di situ sesiapa pemandu (driver), pemandu vocational yang membawa kereta commercial, membawa lori, bas van, teksi, ada lesen bulat yang dibayar \$10 setahun. Jadi disyaratkan mereka yang memandu ada had.

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Rahim Manan tadi mengatakan tidak ada had. Mesti ada had, itu rules and regulations barangkali kita hendak naikkan had laju more reasonable, more realistic 35 b.s.j. mengantuk kalau berjalan jauh naikkan kepada 40 b.s.j. Tetapi itulah sebabnya kalau kita tidak ambil tindakan dan tindakan ini adalah, kerana saya percaya highway flying squad iaitu ada pegawai kita di situ bersama. Saya tak tahu perkara yang dikatakan bayaran \$2.00 itu. Responsible officer, above integrity, change about, change around, bukan macam pajak sahaja, tidak ada tukar-tukar.

Dan lagi mestilah ada dua tiga pegawai iaitu Enforcement Officer ataupun Registrar, kita akan tarohkan di tempat-tempat yang selalu berlaku kemalangan. Umpamanya, di Ayer Hitam, Batu 31 sampai batu 41-10 batu. Boleh jadi kita gunakan Salleh System. Tiap-tiap 2 batu, 3 batu ada pondok semua sekali. Masa hujan mereka boleh bertedoh di situ, ada outridernya. Ada motokar Alfa Romeo yang boleh 100 b.s.j. dia boleh potong kereta yang lari laju. Jadi perkataan "may" yang Registrar diberi discretion.

Kita beri discretion kepada Registrar, after they have been arrested, to give them a chance to explain. Radar sudah ada, gambar

sudah ada, tetapi kita beri peluang administrative hearing. Kalau mereka minta tangguh, kita akan bagi tangguh, tetapi kita mahu seberapa segera yang boleh diputuskan perkara itu. Kita tidak boleh sendiri-sendiri, mesti ada dua tiga pegawai.

Lagi satu berkenaan dengan driving licence, the ordinary driving licence. Yang ada kuasa hanya Mahkamah—the Court has got the only authority, after conviction, to endorse or to suspend, but it must be communicated to the authority, that is the Registrar, who can endorse on the licence. They have no alternative; the moment the order comes from the Court they must endorse. Now they do not report. Kalau adapun dia kata sudah hilang, dia buat surat sumpah, ambil lesen baharu, tidak ada lagi endorsement. Itulah sebabnya kita mahu ketatkan undang-undang itu.

Berkenaan dengan suspension of the permit, permit lori, bas, van dan teksi, apabila kita keluarkan permit, kita bagi syarat: The licencees are to follow the under-mentioned conditions. Lori awak mesti berjalan dengan had laju yang ditetapkan. Ada lori yang besar barangkali berjalan 25 batu sejam, kalau 20 batu sejam, kita naikkan kepada 25 batu sejam. Kalau 35 batu sejam kita naikkan 40 batu sejam. If you exceed the speed limit and we have got evidence that you are conspiring since the permit is given on conditions, by right the permit will be null and void. Tetapi Registrar cuma suspend—maksimanya 6 bulan—not cancellation. The Licensing Board and not the Registrar can cancel. Apabila Mahkamah sudah menentukan driver lori itu kena hukum, tiga tahun kena jail; lesen digantung tiga tahun, dirojokkan kepada Registrar. Suspension of the permit to be referred to the Licensing Board because the Licensing Board is the authority. The Licensing Board has to show cause; tuan punya lori ini: apa sebab yang lesen lori awak tidak boleh dikansel atau digantung beberapa bulan? Then the circumstances will come up before the court whether the Licensing Board can suspend the vehicle's permit, because the authority of cancellation is with the Licensing Board.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di Pertua, untuk penjelasan. Adakah Yang Berhormat Menteri Perhubungan telah

mendapat izin untuk bercakap dalam bahasa Inggeris terlebih dahulu dari Tuan Yang di Pertua?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya minta maaf. Kadang-kadang saya terpaksa menggunakan bahasa Inggeris supaya tidak terkeliru penjelasannya. Saya minta kebenaran, saya campur-campur sedikit, tetapi sekarang ini saya akan terus bercakap dalam bahasa Melayu. Ini technicality sahaja.

Saya ucapkan berbanyak terima kasih atas pandangan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Athi Nahappan, dan begitu juga cadangannya kalau tidak terang, kita boleh bagi administrative instruction. Saya akan berhubung dengan Peguam Negara—kita pun telah berunding selalu dengan beliau. Kalau keadaan kewangan mengizinkan, bolehlah, kalau perlu kita pinda, kerana tidak ada satu Undang-undang—cuma Quran sahaja yang tidak boleh dipinda-pinda—Undang-undang adalah dipinda daripada satu masa ke satu masa, untuk menyesuaikan dengan keadaannya. Sebab itu diadakan pindaannya undang-undang lalu-lintas ini.

Tuan Yang di Pertua, saya tidaklah payah hendak bercakap panjang-panjang, cuma saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Wong yang hendak menaikkan denda \$5,000 dan cadangan-cadangan yang lain. Rasa saya, kita cuba yang ada ini dahulu. Kalau kerjasama sepenuhnya diberikan, tentulah kita dapat mengurangkan kemalangan. Hendak menghapuskannya tidak boleh kerana malang tidak berbau. Cuma hendak mengurangkan kemalangan, kalau kemalangan kurang mengurangkan lagi kematian-kematian dengan sebab mengurangkan lari laju.

Yang Berhormat Encik Wong menyentuh berkenaan dengan lesen kopi. Itu zaman dahulu, sekarang tidak ada lesen kopi lagi. Lesen yang ada ialah lesen yang betul. Kalau Ahli Yang Berhormat itu bertanggungjawab, barangkali di Seremban kita telah memegang dua tiga orang sudah dihukum. Inilah yang saya ingatkan bahawa kita akan ketatkan lagi cara mengeluarkan lesen. Saya mahu pemandu yang mengajar di dalam driving schools ini akan dinaikkan lagi mutunya dan orang-orang yang bertanggungjawab tidak akan menubuhkan racketnya. Ini sedang dirundingkan dengan pihak military, Polis yang mempunyai driving testers, yang mempunyai

latihan di United Kingdom dan di mana-mana juga, kita akan aturkan dan kita akan adakan satu syarat baharu kepada driving schools yang ada, supaya penguji-penguji (testers) walau tester Kerajaan atau driving schools sekali pun mestilah ada syarat-syarat yang tinggi mutunya supaya jangan sampai lagi orang-orang yang lulus, yang mendapat lesen ini cuai, tidak cukup pengalaman; boleh jadi kita beri enam bulan kursus, kalau perlu, kita naikkan macam di New South Wales, Australia—lesen "L" enam bulan atau setahun. Kalau tidak membuat salah baharu dapat "P". Lepas itu baharu dapat lesen yang penuh. Perkara ini sedang diperiksa, tetapi apabila hendak meminta wang daripada Perbendaharaan, keraninya banyak kerja, teruk, perkara ini sedang dalam timbangan lagi. Kita akan menyiasat the issue of the licences ataupun hendak mengeluarkan lesen-lesen dengan lebih ketat lagi.

Yang Berhormat Dr Mahathir membangkitkan tentang jalan yang bengkok-bengkok macam jalan kereta lembu. Boleh jadi masa dahulu tidak ada bull-dozer. Manusia mencangkul, tetapi walaupun sekarang ada bull-dozer, banyak sudah dibuat deviation seperti di Tanjong Malim. Beliau tahu, sebab beliau lalu di situ dan itu bukanlah lagi jalan kereta lembu. (*Ketawa*) Banyak lagi jalan-jalan dari Malaysia Timur, Kota Bharu ke Malaysia Barat, Butterworth berpuluh-puluh juta ringgit belanjanya. Dengan sebab itulah kita gunakan bull-dozer. Kita bulldozed terus sahaja, tetapi lagi lurus, lagi ribut dia memandu. (*Ketawa*) Ini pun susah. Apabila tyre meletup atau skid, lagi teruk, habis sekali. Dengan sebab itu, sungguhpun kalau jalan lurus, lebar, hendaklah ada beberapa banyak lane, macam di Amerika ada 10 lane, slow keep to the left, kalau laju keep to the right. Tetapi pemandu di negara kita ini tidak ikut peraturan, di negara kita ini tidak ikut peraturan mereka slow pun di tengah-tengah jalan. Tetapi perkara ini hendaklah diajar macam mana keadaannya. Inilah tadi yang dikatakan education. Hendak educate ini memanglah, saya sebagai Pengerusi Majlis Keselamatan Jalanraya Malaysia, kita hendaklah bekerjasama, penuh dengan Kementerian Pelajaran. Murid-murid sekolah boleh mendapat education berkenaan dengan lalu-lintas bagaimana hendak menyambung jalan. Yang saya minta, ibu-bapa di rumah, anak-anak yang belum lagi

pergi ke sekolah ini supaya mereka juga tidak berlari-lari di jalanraya. Kalau ada motokar, dia berlari-lari, bukan motokar melanggar budak, budak yang melanggar motokar. Kalau ia lari perlahan sempat juga kita boleh berhenti. Kalau dia lari 30 batu sejam umpamanya tadi, mengelungsur juga. Ini kadang-kadang berlaku. Saya mintalah kerjasama daripada ibu bapa yang menggunakan jalanraya-jalanraya ini, bukan sahaja pemandu-pemandu ataupun pemandu-pemandu lori.

Berkenaan toll system. Saya dahulu pun sebagai Menteri Kerja Raya telah memersetujui, selagi ada alternative route macam di Slim River, ini patut kita kenakan toll, tetapi kalau tidak ada jalan lain, kita kenakan toll; orang kita belum lagi faham bagaimana di dunia barat dan dengan pendapatan saya pun tidak begitu tinggi, naik basikal kena toll, naik motosikal kena toll, naik bas kena toll, apa pun semuanya kena toll. Sudah cukup cukup kata Yang Berhormat tadi, berkenaan dengan menggunakan kenderaan dan sekarang orang yang menggunakan pun kena toll juga. Polisi yang ada hari ini, selagi tidak ada lain jalan (deviation) kita tidak kenakan toll, tetapi kalau ada jalan lain macam di Slim River, kita kenakan toll. Tetapi jambatan, kita kenakan toll juga. Saya akan bawa perkara ini dalam Communication Committee of the Cabinet supaya di mana-mana negara pun jalan lain yang dibuat kena toll, toll route yang lagi dekat, lagi besar, itu patut juga dibayar macam di negeri Jepun, Amerika Syarikat atau di bandar-bandar besar.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah): Tuan Yang di Pertua, untuk penjelasan. Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa selagi kita mempunyai alternative jalan, maka kita kenakan toll, misalnya di Slim River, tetapi apa ceritanya kalau bersabit dengan jambatan. Adakah Menteri memikirkan bahawa ada alternative?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Ada dikenakan, tetapi ada setengah jambatan tidak dikenakan. Ini hendak disamakan. Ada pula yang kena, hendak dibebaskan macam di negeri saya, Johor, tetapi itu ada kalanya modal negeri Johor bersama-sama dengan modal Kerajaan Pusat. Kadang-kadang

kedua-dua negeri dia bersetuju memodali, sebab itu kadang-kadang kita kecualikan juga macam mana keadaan di negeri-negeri itu tetapi yang saya terangkan ini jalan, tentang jambatan selalunya kena bayar.

Yang Berhormat Senator Shaari bin Jusoh dari Perlis banyak membawa cadangan-cadangan dan saya ambil ingatan sahaja. Berkenaan dengan lori ada 5, 10 lesen, pegawai saya sudah ambil tindakan, tetapi saya tak minta orang ramai hendak menyasiat perkara ini, cuma saya kata beritahu supaya pegawai saya boleh mengendap kerana dia jalan pagi-pagi pukul 6.30 atau 5.00 pagi.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di Pertua, untuk penjelasan. Saya tak kata Menteri yang berkenaan selidik hal ini, tetapi apa yang saya kata dalam ucapan saya petang semalam Menteri yang lain ini supaya jangan perkara ini berlaku lagi. Jadi saya kata dahulu sebelum beliau mengatakan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, saya ucapkan terima kasih atas penjelasan itu. Saya sudah ambil tindakan.

Selain daripada itu saya hendak terangkan had laju bas ini, kita akan adakan aturan-aturan baharu, dalam undang-undang ini, kerana dia banyak bermacam-macam kenderaan, nanti kita akan isytiharkan, tetapi untuk makluman dan pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat teksi dengan persetujuan mereka semua sekali dihadkan 50 b.s.j. tetapi dia lari 70, 80, 90 b.s.j.—apa hendak buat kerana hendakkan trip, hendak banyak dapat duit, barangkali teksi dibayar satu hari \$25 atau \$35, jadi express. Ini yang mereka sapu penumpang keretapi. Dengan sebab itu, sebagaimana yang telah saya terangkan tempoh hari bahawa orang yang kena sapu ini patut mereka bekerjasama lebih-lebih lagi, jadi kita boleh membetulkan keadaan mereka itu.

Yang Berhormat Senator Abdul Rahim Manan tadi mengatakan apa guna hendak taroh 30 b.s.j. kalau Menteri pun lari lebih daripada itu. Soalnya kalau keadaan sunyi di tengah malam tentulah kita lari laju sedikit. Ini kalau pun ada kemalangan baharulah dia kena, kalau tak taroh 30 b.s.j. pun memang kalau sudah ramai orang di bandar-bandar itu hendak langgar orang juga

tetapi ini adalah peraturan dan mana-mana dunia kawasan orang-orang ramai built-up area kadang-kadang 20 b.s.j. pun ada. Ini hendak membezakan, kalau sebuah lori, motokar atau teksi lari 50 b.s.j. apabila dia masuk kawasan “built-up” 30 b.s.j. dia mesti taat kepada had laju itu, tetapi dia tak tahu sampai 50 b.s.j. ini kawasan “built-up” ini tempat merbahaya ramai orang, ramai budak-budak dan kalau pemandunya bawa lebih daripada had laju yang ditetapkan—tangkap. Kalau ada berlaku kemalangan lebih daripada 30 b.s.j. itu nanti menjadi soal, kerana tempat itu adalah kawasan “built-up”. Itulah tujuannya dan ini juga elok pada waktu yang ramai orang, saya yang terbabit pula dengan permohonan mereka-mereka dalam kawasan “built-up” saya kena sign gazette itu.

Yang Berhormat Senator Dr Lim Ah Sitt menyentuh berkenaan dengan basikal. Saya baharu berjalan malam di Muar hari itu, saya pun memang awas juga, sungguhpun saya pakai cermin mata waktu membaca walaupun waktu malam, tetapi mata saya terang, dan saya bercermat kalau berjalan pada waktu malam. Jalan kecil memang kebanyakan mereka keluar daripada kampung, kadang-kadang pada masa keluar itu lampu mereka tertinggal di rumah atau lampu sudah habis minyak—padam, maklum sahajalah kadang-kadang di belakang pun tak berlampu, jadi tak boleh cuai, tetapi ini ada undang minor offences kesalahan kecil yang mana pihak berkuasa polis boleh menahan mereka itu samada dimaafkan ataupun didakwa \$5 dan pihak polis boleh menahan sesuatu basikal yang tak ada berek kerana itu adalah merbahaya mengikut minor offences, tetapi kalau ini hendak dibebankan kepada Kementerian Perhubungan maka akan bertambahlah kerja kita berhubung dengan rakyat dan Majlis Town atau Local Council yang mengeluarkan lesen-lesen ada juga syarat-syaratnya. Saya akan berhubung mengko-ordinasikan supaya dapat kerjasama daripada semua pihak yang berkenaan.

Berkenaan dengan flying squad meminta ahli-ahli bekerjasama secara sukarela sebagai flying squad dari Ahli-ahli Parlimen. Yang sebenarnya dahulu kita beri tanggungjawab ini kepada Pegawai-pegawai Kerajaan Division I supaya boleh merepot dan kita boleh ambil tindakan atas pemandu-pemandu lori-lori atau kenderaan yang lari laju, tetapi

yang tak adil apabila pemandu-pemandu tak mahu mengaku, salah dicabar kita maka terpaksa dipanggil pegawai Kerajaan, kerana hendak beri peluang soal-jawab. Keputusan itu adalah terpulang kepada Pendaftar, tetapi apabila kita panggil pegawai-pegawai ini, maklum sahajalah kadang-kadang tak dapat kerjasama dari mereka. Flying Squad yang ada ini cukuplah saya kata, kita tak mahu menyusahkan, kalau tahan dengan tak tentu lori-lori itu akan dilanggar orang. Saya tahu perkara ini. Ini merbahaya. Perkara ini ada terjadi pada pegawai-pegawai saya sendiri. Inilah sebabnya kita takut hendak enforce, dicabar di tengah-tengah jalan—seorang dengan seorang, apa akan jadi. Ini adalah sebagai penjelasan saya dan bukanlah kita tak mahu bekerjasama, tetapi kita tak mahu membahayakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kita ini.

Saya mengambil ingatan semua sekali dan cadangan yang baik, itu kita akan jalankan, dan mana yang belum, kita boleh jalankan untuk menunggu kewangan. Kita akan meminta permohonan wang dari pihak Perbendaharaan, dan berkenaan dengan flying squad ini kita telah mengakukan daripada pihak Jawatankuasa Kabinet dan juga rakan saya Yang Berhormat Peguam Negara memikirkan ini adalah penting dan perlu.

Melebarkan jalan-jalan ini adalah satu recommendation yang paling kuat sekali. Saya harap daripada Asian Highway yang mana kita dapat bantuan daripada Bank Pembangunan Asian (ADB). Jadi Soalnya barangkali cara ajensinya, kalau pihak JKR kurang kakitangan atau sebagainya, jikalau ada kontraktor-kontraktor yang boleh menyiapkan dengan seberapa cepat dan dengan adanya International Tender kita boleh luruskan jalan-jalan atau potong jalan yang lain. Memotong jalan ini sudah ada dalam rancangan, bukannya tak ada, tetapi jalannya itu kecil, dia suka jalan yang lebar, tetapi penuh sesak dengan lori-lori, bas dan kenderaan-kenderaan. Semasa saya menjadi Menteri Kerja Raya, dahulu saya masih ingat lagi pematangan jalan bagi meleakaskan daripada Port Dickson, Jalan Sepang terus pergi ke Kelang. Ini memang ada, tetapi kita belum sempat hendak melebarkan terus ke Jalan Tanjong Karang, coastal route ke Butterworth, Penang ada central route ada 3, 4 route jalan besar, tetapi walau bagaimana pun saya akan berhubung dengan Menteri Kerja Raya dan Tenaga supaya kita

adakan satu dasar yang bersesuaian bagi memperbaiki keadaan sistem mengelokkan jalan-jalan yang menerusi bandar-bandar yang sesak ataupun jalan-jalan dalam bandar yang sesak.

Inilah sahaja yang dapat saya jawab dan saya mengucapkan sekali lagi terima kasih, mudah-mudahan dengan sebulat suara mendapat sokongan dari Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dapat menjayakan cita-cita kita.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN WANITA DAN GADIS

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menteri Kebajikan Am (Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim): Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang Perlindungan Wanita dan Gadis, 1972 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Peruntukan bagi perlindungan wanita dan gadis ada terkandung dalam Ordinan-Ordinan dan Enakmen-Enakmen yang berasingan yang dibuat sebelum perang, yang mana butir-butirnya boleh didapati di dalam Jadual Kedua kepada Rang Undang-undang ini. Adapun tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk menyatukan undang-undang yang

ada sekarang, membuang peruntukan-peruntukan yang usang, meminda yang mana perlu, mengemukakan beberapa peruntukan baru dan merasionalkan kuasa-kuasa pihak-pihak berkuasa yang berkenaan dengan pelaksanaan undang-undang ini.

Rang Undang-undang ini adalah dibuat untuk melindungi orang-orang perempuan dan untuk menjamin bahawa mereka tidak dengan apa cara jua dipaksa ke dalam pelacuran atau digunakan untuk maksud-maksud demikian dan juga bagi menghukumkan mereka yang memeras pelacuar orang lain untuk keuntungan diri mereka sendiri.

Peruntukan-peruntukan Rang Undang-Undang ini, pada umumnya, adalah mengikut undang-undang yang ada sekarang kecuali beberapa peruntukan-peruntukan baru yang berhubung dengan umur orang perempuan yang diberi perlindungan, hukuman-hukuman untuk jagaan di luar yayasan, pencaruran saraan hidup, perkhidmatan-perkhidmatan jagaan lanjutan kepada mereka yang dibebaskan daripada rumah perlindungan, iklan untuk memajukan pelacuran dan perlindungan bagi pemberi-pemberi rahsia dan saksi-saksi.

Di antara beberapa pindaan-pindaan yang dikemukakan dalam Rang Undang-undang baru ini satu yang pentingnya ialah mengasingkan fungsi-fungsi pihak-pihak berkuasa yang berkenaan dengan pelaksanaan Rang Undang-Undang ini. Kuasa-kuasa menggelid, mengambil dan menangkap telah dipindahkan daripada Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat dan tanggungjawab ini diletakkan pada amnya kepada Polis mengeluarkan perintah tahanan untuk maksud pemulihan semula adalah menjadi pada amnya tanggungjawab Mahkamah. Jabatan Kebajikan Masyarakat akan hanya bertanggungjawab bagi pemulihan semula orang-orang yang diserahkan kepada jagaannya. Tanggungjawab-tanggungjawab bagi menggelid, mengambil dan menangkap adalah berlawanan dengan kerja-kerja kemasyarakatan, dan dengan yang demikian fungsi-fungsi Polis dan Mahkamah yang tersebut mestilah diasingkan daripada fungsi-fungsi pemulihan semula Jabatan Kebajikan.

Denda-denda maksima bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Rang Undang-undang baru ini telah dipertambahkan oleh kerana adalah dirasai bahawa

denda-denda yang diperbekalkan dalam undang-undang yang ada sekarang nyata tidak mencukupi.

Butir-butir peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang ini boleh didapati dalam Huraian kepada undang-undang ini.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Perlindungan Wanita dan Gadis, 1972 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Puan Dasimah Dasir: Tuan Yang di Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada Menteri yang berkenaan kerana telah mengadakan Rang Undang-undang Perlindungan Wanita dan Gadis.

Dengan adanya Rang Undang-undang ini, maka dapatlah terjamin nasib wanita-wanita di dalam negara kita ini yang telah dianiaya oleh setengah gulungan lelaki yang tidak bertanggungjawab di atas kaum wanita.

Saya percaya wanita-wanita belasan tahun umurnya itu banyak yang dipermainkan yang telah dibawa ke sana sini untuk dipaksa menjadi pelacur demi kepentingan hidup gulungan jahat itu. Dari itu, saya percaya, dengan adanya Rang Undang-undang ini, maka akan tetaplah terjamin wanita-wanita yang ada di dalam negara ini daripada terceburlah ke dalam perbuatan atau kelakuan yang tidak menasabah bagi negara kita ini. Walaupun Kerajaan telah mengadakan peraturan dan undang-undang yang begitu ketat, maka saya berharap kepada ibubapa kita sendiri hendaklah memberi jagaan yang lebih kuat lagi kepada anak-anak mereka sendiri janganlah selalu membiarkan anak-anak ke sana-sini untuk bermalam dengan tidak pulang ke rumah, ibubapanya tidak menghiraukan untuk mencari anak mereka di manakah hilangnya anak-anak mereka itu.

Saya berharap kepada semua wanita-wanita supaya bersama-sama kita ucapkan sekali lagi tahniah dan terima kasih kepada Menteri Kebajikan Am, Tan Sri Fatimah yang telah bersusah payah selama beliau menjadi Menteri Kebajikan Am banyak perkara-perkara untuk kebaikan wanita telah dijalankan dalam Kementeriannya itu.

Tuan Yang di Pertua, izinkan saya memanjangkan sedikit pandangan saya, apakah yang telah berlaku di Pulau Pinang. Saya percaya Negeri Pulau Pinanglah yang paling banyak diberikan wang Kerajaan oleh Menteri Kebajikan Am, Yang Berhormat Tan Sri Fatimah untuk mendirikan rumah-rumah kebajikan seperti yang telah diadakan itu. Sekali lagi, saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada Menteri yang berkenaan.

Tuan Yeap Kheng Yam: Tuan Yang di Pertua, saya berasa gembira, kerana kena pada masanya bila Rang Undang-undang Perlindungan Wanita dan Gadis Tahun 1972 dibawa ke Dewan ini pada masa sekarang.

Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan adalah paling baik untuk melindungi wanita dan gadis kita.

Akta ini dikemukakan ke Dewan ini yang sebenar-benarnya mendatangkan faedah besar untuk perlindungan wanita dan gadis yang sentiasa menjadi mangsa yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di Pertua, ada kebiasaan atau kecenderungan dan fikiran kesopanan masyarakat kita pada masa tujuh puluhan ini adalah satu masalah yang sangat buruk dan serious, kerana banyak tempat digunakan sebagai rumah sundal dan perempuan dibawa menjadi mangsa orang lain. Imej kemajuan negara kita telah dirosakkan dengan perkara persundalan yang diadakan pada masa sekarang ini.

Tuan Yang di Pertua, siapakah akan dikatakan yang menjadi salah atas kejadian yang timbul seperti tersebut itu. Pada hemat saya ibubapa mereka dan pelajaran keluarganya patutlah akan bertanggungjawab, tetapi masyarakat dan negara kita juga bertanggungjawab atasnya.

Tuan Yang di Pertua, mengapa wanita dan gadis sentiasa menjadi mangsa orang-orang lain? Ini adalah masalah besar kepada masyarakat dan negara kita. Kita merasa sangat dukacita kerana ramainya perempuan telah menjadi perempuan lacur atau pelacuran di negeri kita. Kini Kerajaan membuat Rang Undang-undang supaya memperkuat kuasanya untuk melindungi wanita dan gadis serta menghapuskan perkara buruk seperti tersebut itu mestilah mendapat sokongan kuat daripada semua pihak.

Tuan Yang di Pertua, di mana-mana tempat ada ramai perempuan lacur atau pelacuran, kerana perbuatan seperti itu telah menjadi pekerjaan mereka bergantung dengan masaalah untuk mendapatkan lebih banyak wang dengan senangnya. Sungguhpun ada separuh gadis kerana mempercayai kepada orang-orang penipu akan memberi kerja di mana-mana tempat dan telah dijual ke rumah sundal telah menjadi perempuan lacur. Inilah satu perkara merbahaya kepada gadis-gadis, oleh sebab aktibiti-aktibiti yang dijalankan oleh perempuan lacur itu di mana-mana tempat yang tidak tentu itu akan membawa penyakit perempuan kepada rakyat yang berkenaan itu di seluruh negara.

Tuan Yang di Pertua, oleh yang demikian masalah perempuan lacur yang ada di negara kita ini maka berjenis-jenis tempat awam telah menjadi tempat ejen berhubung dengan perkara persundalan dan berbagai-bagai permainan yang menukar rupanya telah dan sedang dijalankan di bandar-bandar besar seperti di Kuala Lumpur, Ipoh, Pulau Pinang dan sebagainya. Erti atau makna pertukaran rupa ialah boleh menjadikan secara perbuatan seperti perempuan menawarkan tubuhnya untuk berhubung jenis setelah sebarang kerana sewa samada berupa wang atau barang.

Tuan Yang di Pertua, pada pandangan saya, jika seorang yang membeli, menjual, berniaga atau memperoleh atau membawa masuk ke Malaysia atau membawa keluar dari Malaysia seorang perempuan bagi maksud perniagaan itu samada atau tidak bagi maksud pelacuran pada masa itu atau kemudian adalah melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan itu dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada 5 tahun atau didenda tidak lebih daripada \$10,000. Maka dengan hukuman berat seperti yang tersebut itu, saya percaya perkara berkenaan perempuan lacur atau pelacuran itu akan dihapuskan di negeri kita dari masa ke semasa.

Tuan Yang di Pertua, saya cadangkan seseorang yang hidup dengan pendapatan dari pelacuran atau orang-orang jadi ejen mengenai pelacuran itu, atau rumah yang menjadi rumah-rumah lucah itu patutlah dikenakan penjara 7 tahun sahaja tanpa didenda.

Satu perkara lagi mustahak, kalau orang-orang lelaki tidak pergi cari perempuan lacur itu, maka perempuan lacur tidak akan dapat

menjalankan perbuatan buruk itu. Akta ini patut dijatuhkan kepada orang lelaki juga, misalnya seorang lelaki kalau tidak pergi cari perempuan lacur itu dijumpai oleh pihak polis yang berkenaan itu, maka sianu telah melanggar Akta ini dikenakan hukuman juga. Dengan ini baharulah akan menghapuskan perkara persundalan di mana-mana tempat.

Tuan Yang di Pertua, walaupun bagaimanapun negara kita bukanlah sebuah negara yang cuma mengadakan perempuan-perempuan lacur (*Ketawa*) atau pelacuran akan tetapi sikap Kerajaan patutlah mengambil berat atas masaalah pelacuran yang ada pada masa sekarang ini, kerana masaalah pelacuran itu adalah terlibat luas dengan ekonomi baharu negara kita.

Kerajaan mestilah mengkaji sedalam-dalamnya akan sebab-sebabnya masaalah tersebut diadakan dan bagaimanakah cara menghapuskan perkara yang buruk itu. Kita sangat bersimpati dengan keadaan pelacuran yang menjadi mangsa orang-orang lelaki. Saya harap Kerajaan menubuhkan tempat-tempat perlindungan untuk menahan perempuan-perempuan jalang itu dengan pelajaran seperti jahit-menjahit, masak-memasak dan sebagainya. Dengan ini, boleh menukar kehidupan mereka dari masa ke semasa.

Tuan Yang di Pertua, perkara kehinaan atau persundalan seperti tersebut itu akan menjadi satu masaalah anak gampang akan timbul dan tiada siapa bapanya apabila suatu hari anak-anak gampang itu telah menjadi orang dewasa kemudiannya kerana mereka dengan tiada dijaga baik dan tiada berpelajaran dari masa kecil, maka kalau disuruh atau diajar oleh orang-orang jahat dan membawa mereka ke satu jalan yang buruk dan menjadi orang-orang jahat juga. Keadaan yang akan timbul ialah perbuatan jahat akan dilakukan di mana-mana tempat, cara jahat seperti merampas, mencuri, membunuh, membakar, berlawan dan sebagainya. Inilah satu keburukan mempersalahkan orang dan membahayakan keselamatan masyarakat kita.

Tuan Yang di Pertua, Kerajaan mengadakan atau membuat Rang Undang-undang Perlindungan Wanita dan Gadis ini adalah sangat baik untuk menghapuskan masaalah

perempuan jahat adalah satu langkah semesti dan patut diambil oleh Kerajaan dengan segeranya kerana untuk tujuan kemajuan negara dan kepentingan awam. Inilah kewajipan berat Kerajaan.

Tuan Yang di Pertua, saya suka disini menyampaikan satu dua cadangan kepada pihak Kerajaan seperti berikut:

Yang pertama, Kerajaan hendaklah menubuhkan Lembaga-lembaga Pelawat di tempat-tempat perlindungan di negeri masing-masing dan ahli-ahli bagi Lembaga tersebut itu patutlah mengandungi Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahli Parlimen supaya menjadi tugas berkenaan dengan licinnya perjalanan itu.

Yang kedua, memeriksa tempat-tempat yang disangsikan berkaitan dengan perbuatan persundalan.

Yang ketiga, menghapuskan tempat-tempat yang menukarkan rupanya sebagai rumah jahat.

Tuan Yang di Pertua, pada akhirnya untuk perhatian wanita dan gadis kita, saya suka menasihatkan kepada mereka janganlah pakai memakai pakaian seperti hot-pants atau pakaian sexy supaya tidak menjadi mangsa kepada orang laki-laki.

Saya sokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang Perlindungan Wanita dan Gadis, 1972 yang dibawa oleh Menteri yang berkenaan supaya diluluskan.

Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong usul untuk diluluskan dan memberi setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan yang telah dapat membuat satu Rang Undang-undang yang begini baik yang sudah lama patut diadakan undang-undang ini, tetapi masih belum lagi terlewat.

Dalam pandangan saya untuk menyelamatkan wanita-wanita dan gadis-gadis sunti menjadi pelacur, tidak lain dan tidak bukan Kerajaan mestilah mengadakan satu mata pelajaran akhlak dan budi pekerti di ajar di tiap-tiap sekolah baik apa sekolah juga pun, Sekolah Kebangsaan Melayu, Cina, Tamil dan Inggeris. Dengan adanya pelajaran ini, murid-murid laki-laki dan perempuan akan tahu tanggungjawabnya apabila mereka sudah dewasa.

Yang kedua, Kerajaan mestilah mengarahkan Yang di Pertua-Yang di Pertua Uagama, segala uagama akan memberi syarahan uagama yang betul meminta segala manusia berkelakuan baik, sopan-santun mengikut pengajaran uagama masing-masing betul-betul.

Saya percaya tiap-tiap uagama tidak ada menyuruh orang membuat perkara-perkara yang tidak baik seperti menjadi pelacur, ejen-ejen pelacur ibu ayam, bapa ayam dan sebagainya. Di dalam syarahan-syarahan uagama itu mesti disebutkan betul-betul: kalau kamu buat baik, kaum akan menerima balasan yang baik; kalau kamu membuat tidak baik akan menerima balasan yang tidak baik iaitu azab. Patut juga penganjur-penganjur uagama ini diadakan sekali dalam tiga bulan mesyuarat dan berbahas berkenaan dengan hal uagama. Di dalam Islam ada disebut surga dan neraka, bagi orang-orang yang membuat baik di dunia ini akan masuk surga dan orang-orang yang jahat akan diazab dan dimasuk ke dalam neraka. Jikalau ini tidak ada dalam uagama Kristian, Buddha, Hindu maka pengajaran-pengajaran uagama mesti ambil dari ajaran-ajaran Islam dan dibuat risalah-risalah dan dibacakan oleh padri-padri Kristian dan sami-sami Buddhist dan Hindu apabila orang-orang bersembahyang. Tidak guna Kerajaan memberi beratus-ratus ribu ringgit untuk membina masjid-masjid, gereja-gereja, tokong-tokong tetapi pelacuran di merata-rata negeri kita ini bermaharajalela, ada yang muda, ada yang sedang-gedemping, kurus, gemok, rendah, tinggi dan semua bangsa, ada kerana ajaran-ajaran uagama tidak dijalankan dengan betul-betul.

Yang ketiga, yang merosakkan anak-anak gadis kita jadi pelacur ialah ajaran-ajaran wayang gambar seperti filem sex banyak budak-budak sekolah rosak oleh filem sex ini, kerana mereka pergi menuntun wayang gambar filem sex ini. Apabila balik dari menuntun, mereka pergi ke Lake Gardens atau tempat-tempat yang sunyi dan dicubakannya apa yang mereka tengok dalam wayang gambar itu. Itulah sebabnya Kerajaan patut mengharamkan gambar-gambar ini dari sekarang juga.

Tuan Yang di Pertua, yang keempat, sebabnya banyak gadis-gadis dan anak-anak dara kita jadi pelacur kerana kemelantaran hidup di kampung-kampung. Kerja tidak

ada, makan hendak juga, pakai hendak, tengok orang berlagak, dia pun hendak berlagak juga tetapi wang tidak ada. Sesudahnya jual diri jadi pelacur untuk mendapatkan wang.

Begitu juga banyak anak-anak gadis kita jadi pelacur sebab muda-muda lagi sudah kahwin. Dapat suami pula bergaji kecil. Buat anak sampai dua, tiga, empat tidak sanggup memberi makan, anak-anak bersekolah, suami pun lari, tinggallah gadis-gadis ini apa daya? Kerja berat tidak biasa awak masih remaja lagi, ya tidak ya jadi pelacur. Banyak kita dapati separuh dari pelacur-pelacur ini anak-anak gadis yang suaminya lari.

Tuan Yang di Pertua, maka dengan pandangan-pandangan saya tersebut di atas, saya harap kepada Kerajaan akan mengambil perhatian. Jikalau tidak, pelacur di negeri kita ini tidak akan habis dan tidak guna kita catitkan dalam Perlembagaan kita uagama Islam uagama rasmi, tetapi rakyat-rakyat, wanita-wanitanya jadi pelacur dan ini akan memalukan kita semua.

Apabila Rang Undang-undang ini berjalan, saya berharap kepada Kerajaan jalankan betul-betul dan keraskan hukuman-hukuman. Buat macam di Mekah, kalau orang-orang ditanggap berzina, direjam hingga mati. Kalau tidak boleh buat di sini, dihukum jel, kerja berat bertahun-tahun, rotan dan cukur rambut mereka (*Ketawa*).

Begitu juga ibu-ibu ayam dan bapa-bapa ayam atau ejen-ejen pelacur, pada masa ini saya dapati kalau dapat ditangkap ibu-ibu ayam atau bapa-bapa ayam ini dibuang daerah. Ini pada pendapat saya tidak betul. Kalau buang daerah, dia akan melakukan pula kerja-kerja itu di daerah itu.

Saya menyokong Bil ini untuk diluluskan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang ini. Agak saya tidak begitu panjang kerana kawan-kawan saya turut menyokong. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Menteri Kebajikan Am yang telah mengemukakan Rang Undang-undang ini untuk kebaikan khususnya kaum wanita yang kita tahu pada hari ini telah diabaikan oleh setengah daripada gulungan kita iaitu kita juga sebagai manusia, kaum laki-laki. Walau macam manapun, Tuan Yang di Pertua, saya berpendapat untuk menghindarkan atau

untuk menjauhkan daripada segala hukuman ini, tentulah sebagaimana kita sama-sama maklum, satu daripada sebab-sebabnya ialah hukuman berat, sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Ibrahim Yaacob tadi samada cukur kepala rotan ataupun sampai sepuluh kali, inilah saya ingat yang paling menasabah sekali kerana kalau kita setakat hendak denda manusia ini dia boleh bayar. Tetapi kalau dirotankan sampai 10 kali, macam ibu ayam ataupun 20 rotan, agak saya ini satu perkara yang dia cukup takut. Jadi hukuman yang macam itu patut kita lakukan.

Yang kedua, di samping kita mengenakan hukuman-hukuman yang paling berat, kita juga patut menjagakan perempuan-perempuan tadi, sebab menjadi pelacur seperti kata Yang Berhormat Encik Ibrahim Yaacob tadi, saya tidak nafikan, satu daripada kesalahan ialah kerana mencarikan kepuasan hidup samada cara nafsu ataupun cara razki. Yang kedua, kerana diabaikan sendiri oleh keluarga. Kerap kali biasa juga, selain daripada kerana mencari pendapatan, orang yang menjadi pelacur ialah kerana dia patah hati. Bila patah hati disebabkan keluarga atau bapa dia sendiri, akhirnya dia cerai-berai, maka dia irihati ikut apa hendak jadi. Ini salah satu daripada sebab pelacuran.

Tuan Yang di Pertua, juga selain daripada kita menghukum siapa-siapa yang mencabul perempuan lacur, sebagaimana ibu ayam ataupun merogol orang-orang perempuan ataupun mencolek orang-orang perempuan ini patutlah kita kenakan hukuman yang keras. Tetapi di samping itu juga, Tuan Yang di Pertua, kesalahan tidak akan berlaku kalau semata-mata di pihak laki-laki. Andai kata kalau setakat api sahaja, tidak ada minyak saya ingat api itu tidak akan menyala. Jadi di antara kedua itu tentu akan jadi. Dengan sebab itu, di samping hukuman-hukuman berat yang patut dikenakan kepada sipencabul perempuan atas apa segi sekalipun, bagaimana kita kata tadi, waima cara mencolek, cara mencabul dan sebagainya, patutlah juga diteliti adakah kejadian itu berlaku semata-mata daripada laki-laki. Kerap kali yang kita sedih pada hari ini bila berlaku satu-satu pencerobohan ataupun pencabulan ataupun rogol, benda itu berlaku dari dua sebab, tetapi malangnya orang perempuan bila sampai ketika yang agak dia tersepit, di kala itu dia ada balik kepada silaki-laki yang awalnya tadi teman hidupnya.

Perkara ini saya berharaplah, Tuan Yang di Pertua, di samping kita ada undang-undang untuk mengenakan hukuman keras kepada orang yang mencabul perempuan, hukuman yang adil kepada kedua-dua pihak hendak diadakah juga sebab kita tahu dalam Islam kita, dia menghukum bukan kepada laki-laki bukan kepada perempuan atau kepada laki-laki kepada kedua-duanya sekali. Tetapi pada hari ini kalau kita setakat hendak hukum kepada orang yang mencabul perempuan, kesalahan perempuan kita tidak nafikan, kita tidak siasat, saya amatlah sedih.

Saya bersetuju dengan pendapat Ketua Jenayah Polis Selangor yang ditulis di sini Encik Mokhtar Marahakimi; namanya pun pelek. Apa yang dicatitkan dalam *Utusan Melayu* di sini saya cukup bersetuju: "Kata-mnya salah satu punca yang membawa kejatuhan perempuan atau perempuan dirogol ialah disebabkan orang perempuan dia berjalan seorang mundur-mandir di tengah-tengah malam ataupun di taman bunga berjalan.

Yang kedua pakaian yang mendedah sangat sebagaimana saya dikatakan beberapa hari yang lepas. Jadi di samping kita mengetatkan hukuman kepada perempuan-perempuan ini juga kita kenalah beri teguran ataupun nasihat supaya perkara yang tersebut jangan dilakukan. Dan saya juga bersetuju sebagaimana yang saya katakan tadi bahawa ianya bebas dari perbuatan rogol, saya catit dalam surat khabar mengapa tuduhan ini tepat, sebab ini tidak ada kesalahan kepada lelaki, sebab itu dia bebas. Jadi yang sedih ialah yang boleh mengadu ialah perempuan lelaki tidak boleh. Dengan sebab itu, Tuan Yang di Pertua, saya rengkaskan cakapan saya, saya berharap di samping hukuman yang patut diadakan bagaimana hukuman Islam kata Yang Berhormat Senator Ibrahim tadi, saya juga bersetuju hukumlah seberapa berat yang boleh tidak payahlah sampai mati, tetapi seberapa berat yang boleh setelah ada saksi-saksi yang genap dan cukup hukum seberapa berat yang boleh di samping itu mengadillah seadil-adilnya jangan si lelaki sahaja dihukum bahkan si perempuan bawa sabit tadi tidak dihukum. Saya berharap di samping hukuman berat keadilan amat perlu ditimbangan.

Datuk Nik Hassan bin Nik Yahya: Tuan Yang di Pertua, saya minta dua minit sahaja. Jadi saya hendak ucapkan tahniah kepada Menteri wanita kita yang membawa Bil ini

dengan kerana beliau membawa Bil ini pada ingatan saya inilah kali yang pertama beliau bawa satu Bil ke dalam Dewan Negara sebagai seorang Menteri wanita. Saya memberikan tahniah dan pujian yang sangat tinggi kepada beliau. Dan oleh kerana tempat beliau akan digantikan oleh wanita yang lain saya rasa patutlah kita meletakkan satu ingatan di Dewan ini sebagaimana kecekapan beliau dalam menyusun Kementerian dan saya rasa eloklah kita beri sekalung bunga kepada beliau di atas keadilan dan kecekapan beliau menjalankan pentadbiran Kementerianya yang sehingga dapat menyusun segala peraturan-peraturan dan Undang-undang yang boleh menyelamatkan wanita di negara kita ini. Dan kita berharap Menteri yang akan menggantikan itu akan melaksanakan undang-undang dan peraturan yang telah beliau aturkan, Dan kita harap mereka ini juga akan menunjukkan kehandalan dan kecekapan sebagaimana pernah ditunjukkan oleh Menteri wanita yang pertama. Dan saya berserulah kepada Kerajaan dengan kecekapan yang ditunjukkan Menteri wanita yang pertama ini, saya harap banyak lagi Menteri-menteri wanita akan dilantik dalam Jemaah Menteri kita (*Tepuk*).

Tuan Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di Pertua, saya berasa tertarik hati benar ikut bercakap dalam membahaskan Rang

Undang-undang ini, kerana Rang Undang-undang ini pada namanya merupakan Undang-undang Perlindungan Wanita dan Gadis di dalam negara ini yang merupakan hampir-hampir separuh daripada jumlah penduduk negara ini. Tetapi apabila saya membaca Rang Undang-undang ini, saya dapati maksudnya adalah untuk mengawal sedikit tentang pelacuran yang seolah-olah nampaknya pelacuran itu hanya perempuan yang melakukannya dan perempuan-perempuan yang melakukan dengan tidak senang hati bukan dengan kemahuannya, kalau dia minta perlindungan akan diberi perlindungan atau dia diambil untuk diberi perlindungan andaikata umurnya di bawah 21 tahun. Soalan ini adalah satu soalan yang besar dan rumit yang sukar sekali hendak dihapuskan, tetapi usaha-usaha untuk mencegahnya sudah pasti mesti dibuat oleh kita dan kemudian daripada itu kalau peribadi-peribadi manusia itu sendiri tidak mahu mengerjakan baharulah perbuatan itu akan hapus dengan sendirinya.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok, 22hb Februari, 1973.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 petang.